

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU
PERCUMA

MADANI
bentuk negara bangsa

Hayati prinsip Rukun Negara

► 9 - 11

Riadah di kota batu

► 15

Dari hobi ke bisnes krusye

► 21

PM bertemu pelabur terkemuka, teroka peluang pelaburan strategik

HAZIRAH HALIM

PERTEMUAN Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama beberapa pelabur terkemuka merupakan iktiar untuk merancakkan pertumbuhan ekonomi dan mendukung visi yang terkandung dalam Ekonomi Madani.

"Kebijakan Ekonomi Madani adalah sebuah kerangka wahana yang jelas dan komprehensif bagi memungkinkan sebuah tatanan ekonomi negara yang mampan dan terangkum sebagai usaha dan upaya kerajaan dalam meningkatkan tahap kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia."

"Visi ini menekankan perihal penting penyertaan sektor swasta dan pelabur untuk memacu pertumbuhan ekonomi, menggalakkan inovasi dan juga mewujudkan peluang pekerjaan yang berkualiti serta berdampak tinggi," jelas beliau menerusi hantaran di Facebook.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata kehadiran pelabur terkemuka itu bukan sahaja memperkuatkan keyakinan terhadap Kerajaan Perpaduan dan prospek ekonomi negara malah ia membuktikan Malaysia mempunyai



ANWAR (dua dari kiri) pada sesi perjumpaan bersama beberapa pelabur terkemuka di pejabatnya pada Selasa.

daya tarikan sebagai destinasi pelaburan antarabangsa.

"Perjumpaan yang pertama seumpama ini membuka peluang untuk berkongsi pandangan serta meneroka kerjasama untuk mencapai matlamat ekonomi negara.

"Perbincangan turut menyentuh soal peluang bagi meneroka pelaburan dalam sektor utama seperti teknologi dan inovasi, tenaga yang boleh diperbaharui, pembangunan infrastruktur, pelancongan serta hospitaliti dan pembuatan," kata

beliau.

Beliau juga memberitahu sesi tersebut turut membincangkan mengenai usaha memupuk persekitaran bagi menggalakkan pelaburan langsung asing, memperkemas peraturan dan proses

Pindaan Akta Perlindungan Peribadi teliti keperluan wujud Pegawai Perlindungan Data

KEMENTERIAN Komunikasi dan Digital (KKD) sedang menilai keperluan mewujudkan jawatan Pegawai Perlindungan Data dalam organisasi, melalui pindaan Akta Perlindungan Data Peribadi (Akta 709) bagi melindungi data peribadi individu.

Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadil berkata perkara itu antara yang dipertimbangkan dalam pindaan akta yang dijangka dibentang pada di Parlimen seawal Oktober ini.

"Satu aspek yang kita lihat ialah pegawai perlindungan data ini, penting bagi organisasi menjaga data kerana ini ada dibangkitkan (Pengerusi Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia), Tan Sri Dr Zulkifeli Mohd Zin berkenaan masalah penjagaan data oleh setiap organisasi."

"Kita lihat ada keperluan untuk ada jagaan data tetapi semua tertakluk kepada proses untuk mendapat maklum balas daripada pihak berkepentingan dan Jemaah Menteri, sekiranya diluluskan Jemaah Menteri kita bawa pindaan ini paling awal Oktober dan paling lewat bulan Mac (tahun depan)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Cyber Digital Services, Defence & Security Asia (CyberDSA) 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada Selasa.

Mengenai Rang Undang-Undang Keselamatan Siber, Fahmi berkata Agensi Keselamatan Siber Negara



FAHMI (tengah) ketika gimik pelancaran CyberDSA 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) baru-baru ini.

(NACSA) sedang merangka rang undang-undang itu untuk dibawa kepada Jemaah Menteri dan ia dijangka dibentang di Parlimen pada akhir tahun ini atau selewat-lewatnya awal tahun depan.

"Kita akan bawa kepada Jemaah Menteri dulu, sebelum perincian kepada rang undang-undang itu dapat kita jelaskan di khalayak umum dan prosesnya sedang berjalan dan saya percaya tak lama lagi NACSA akan sampaikan sedikit apa yang terkandung dalam rang undang-undang itu," katanya.

Terdahulu dalam ucaptamanya, Fahmi berkata Malaysia kekurangan 12,000 profesional keselamatan siber dan bagi mengatasinya, kerajaan kini sedang menambah baik sokongan dan

laluan untuk pendidikan keselamatan siber.

Sementara itu ditanya mengenai pendirian KKD dalam menjaga hubungan baik dengan kerajaan negeri yang ditadbir pembangkang, Fahmi berkata beliau akan meneruskan segala inisiatif yang diaturkan kepada semua kerajaan negeri.

"Saya bagi pihak KKD, usaha kami termasuk di bawah MCMC mewujudkan Pusat Ekonomi Digital (PEDi) di setiap zon dan ini mestilah kita teruskan, tak jadi masalah."

"Saya percaya apa yang disebut Perdana Menteri, kita akan teliti dan kita inginkan hubungan yang baik, rapatkan silaturahim, ukhuwah antara negeri dan pusat," katanya.

- BERNAMA

serta meningkatkan tatakelola.

"Selain itu, ia juga adalah untuk memastikan kemampaman jangka panjang dan menekankan pertumbuhan inklusif dengan komitmen untuk mengutamakan inisiatif yang memberi manfaat kepada masyarakat tempatan dan menyumbang kepada agenda pembangunan mampan.

"Usaha berterusan kerajaan adalah untuk menyediakan persekitaran mesra pelabur yang memupuk inovasi, melindungi harta intelek dan menggalakkan kerjasama antara sektor awam dan swasta," kata beliau.

Sehubungan itu, beliau turut membuka ruang untuk para pelabur mengenal pasti peluang pelaburan yang sejajar dengan matlamat strategik di samping memenuhi keperluan masyarakat.

"Ini merupakan asas untuk potensi kerjasama dan pelaburan yang akan memberi manfaat ekonomi yang besar untuk rakyat dan negara," kata beliau.

Terdahulu, perjumpaan tersebut disertai beberapa orang pelabur yang berpengaruh di peringkat antarabangsa dan terkenal dengan sumbangan mereka kepada pembangunan ekonomi dan syarikat yang berjaya.

Antaranya pengasas bersama laman Facebook, Eduardo Saverin dan Ketua Pegawai Eksekutif bersama B Capital Raj Ganguly; Pengasas WM Partners, Alejandro Weinstein dan Pengasas European Venture Funds, Peter Kadas. WK

Semakan DPT BLN5/2023 dibuka sehingga September ini

SEMAKAN Daftar Pemilih Tambahan Bulan Mei Tahun 2023 (DPT BLN5/2023) yang telah diperakui pada 15 Ogos dan diwartakan pada 16 Ogos kini dibuka selama 30 hari sehingga 14 September ini.

Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Ikmalrudin Ishak berkata DPT BLN5/2023 ini mengandungi 41,289 nama warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas dalam tempoh 1 hingga 31 Mei yang didaftarkan secara automatik sebagai pemilih baharu.

"Selain itu, ia turut mengandungi 12,183 orang pemilih berdaftar yang bertukar bahagian pilihan raya dan 3,005 orang pemilih bertukar status atau kategori pengundi," jelas beliau dalam kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata SPR menyediakan lima kaedah semakan iaitu melalui Portal SPR di pautan <https://www.spr.gov.my> atau <https://myspr.spr.gov.my> dan portal rasmi Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan <http://ppn.spr.gov.my>.

"Untuk sebarang pertanyaan mengenai urusan semakan ini, orang ramai boleh melayari portal rasmi SPR di pautan <https://www.spr.gov.my>, hubungi SPR di talian **03-8892 7218** atau mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan."

- BERNAMA

<https://myspr.spr.gov.my>; aplikasi mudah alih MySPR Semak atau secara hotline semakan pendaftaran pemilih di talian **03-8892 7218**.

"Sekiranya mereka mendapati namanya tidak disenaraikan dalam DPT BLN5/2023, boleh membuat tuntutan dengan mengisi borang C melalui aplikasi dalam talian di pautan <https://myspr.spr.gov.my> atau hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan," jelasnya.

Tambah beliau, mana-mana pemilih berdaftar yang berhasrat untuk membuat bantahan ke atas kemasukan nama pemilih yang membuat pertukaran ke bahagian pilihan raya, boleh mengisi borang D melalui aplikasi dalam talian di pautan <https://myspr.spr.gov.my> atau hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan.

"Untuk sebarang pertanyaan mengenai urusan semakan ini, orang ramai boleh melayari portal rasmi SPR di pautan <https://www.spr.gov.my>, hubungi SPR di talian **03-8892 7218** atau mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri," katanya.

Slogan Malaysia Madani sebatи dalam rakyat

DARI MUKA HADAPAN

AINI MAWAWI

RAKYAT diseru menjawai konsep Madani sebagai jalan ke depan untuk Malaysia serta masyarakatnya tidak kira latar usia dan sosioekonomi bersama menyemai dan menjawai enam teras utama yang memacu kerangka tersebut.

Ia seharusnya diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari seterusnya dihakirkan bagi mencapai emansipasi bangsa yang merdeka di jiwa dan juga minda kerana manajemen pembentukan negara bangsa adalah nadi kepada kerangka Madani.

Penganalisis politik, **Ts Nurul Aishah Ab Rahman** berpendangan Madani adalah satu naratif integrasi dan kepaduan pragmatik yang penting untuk setiap rakyat jiwa.

"Enam teras utama yang memacu kerangka ini yakni Kemampaman, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan, Ihsan membawa maksud dan nilai-nilai tersendiri sebagai usaha memupuk dan membangunkan pemikiran, kerohanian dan kekeluargaan dalam masyarakat.

"Sebagai contoh teras pertama, mampan dari segi bahasa adalah kefahaman mengikut takrifan literal adalah tidak berubah, mantap dan kukuh. Rukun ini boleh diaplikasikan dalam konsep ekonomi dan kewangan, perundangan, kemasyarakatan dan kebudayaan.

"Setiap satu elemen ini boleh kita



NURUL AISHAH



NILAI-NILAI positif tatakelola disambut baik oleh rakyat.

corakkan mengikut dasar Madani ini dan sentiasa mencari ruang dan peluang untuk terus menyumbang kepada kemampaman dalam bidang masing-masing dan bukan hanya tertumpu kepada idea lama atau asas sahaja.

"Di samping itu, membuka ruang minda agar apa yang ada boleh ditambah baik dan diperkuuh sesuai dengan keperluan semasa atau kehendak dan keperluan

awam," ujarnya Madani melebihi konsep slogan yang abstrak.

Tambah beliau lagi, aspirasi Kerajaan Perpaduan yang berteraskan konsep Madani disemai dengan amalan-amalan murni yang dapat mencetuskan anjakan paradigma atau perubahan minda.

"Ia melangkaui aspek falsafah, sebab kalau kita lihat secara literal juga maksud Madani adalah pemikir. Membangunkan modal insan dan

generasi pemikir inilah yang cuba diterapkan dalam jiwa setiap rakyat bermuansakan citra Malaysia yang unik.

"Nilai-nilai positif seperti tatakelola yang sering disebutkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan pucuk pimpinan negara boleh kita lihat sudah semakin sebatи dalam rakyat.

"Kini, rakyat mula sedar dan berani menuntut tadbir urus yang

baik daripada pemerintah. Semangat ini mungkin tidak dapat kita lihat secara menyeluruh sebelum ini, namun selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), dengan perubahan landskap politik sedia ada mencerminkan betapa rakyat Malaysia semakin matang dan mencerminkan negara bangsa yang moden dan lebih berkemahiran," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Beliau yang juga Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media UiTM berkata Ekonomi Madani yang diluncurkan untuk memperkasakan rakyat baru-baru ini meletakkan asas kepada menaikkan siling ekonomi dan menaikkan lantai atau darjah hidup rakyat.

"Dua elemen penting ini salingkait antara satu sama lain bagi mendapatkan satu peningkatan ekonomi yang holistik kepada negara. Secara analoginya dua elemen ini adalah rukun atau tiang utama kepada agenda pemerkasaan ekonomi negara.

"Sebagai contoh usaha kerajaan untuk menarik pelabur-pelabur asing ke negara ini adalah pendekatan jangka panjang yang boleh memberikan kesan positif kepada ekonomi. Seiring itu, lantai ekonomi rakyat juga dapat ditingkatkan, pekerjaan yang bermakna dan meningkatkan pendapatan, peluang kerjaya yang banyak.

"Kita boleh lihat inisiatif-inisiatif kerajaan sudah pun digerakkan bagi mencapai aspirasi ini. Contohnya seperti Program Digital Madani bagi memperkasakan ekonomi gigi, sumbangan kesihatan rahmah buat warga FELDA, Program e-belia Rahmah bagi dua juta kumpulan sasaran belia selain bakal mengkaji semula gaji perkhidmatan awam yang disarankan akan ditingkatkan," ujar beliau. WK

Pencapaian



- Pelaburan syarikat gergasi luar negara, Tesla Inc dan Space X di Malaysia.
- Potensi pelaburan bersama pengasas bersama laman Facebook Eduardo Saverin dan Ketua Pegawai Eksekutif Bersama B Capital Raj Ganguly, Pengasas WM Partners Alejandro Weinstein dan Pengasas European Venture Funds Peter Kadas.
- Ekonomi Malaysia catat pertumbuhan 5.6% pada suku pertama 2023 lebih baik berbanding negara serantau seperti Indonesia (5%), China (4.5%) dan Vietnam (3.3%).
- Peruntukan Geran Khas kepada Sabah (RM25 juta setahun kepada RM260 juta setahun) dan Sarawak (RM16 juta setahun kepada RM300 juta setahun).
- Inisiatif Rahmah (Menu Rahmah, Jualan Rahmah, Bakul Rahmah) ringan beban B40.
- Malaysia di kedudukan ke-61 daripada keseluruhan 180 negara dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2022 oleh Transparency International (TI).
- Cabutan khas judi diturunkan daripada 22 kali setahun kepada lapan kali setahun.
- 30% potongan cukai taksiran rumah di Putrajaya.
- Tekad noktah miskin tegar tahun ini.

Kementerian Pertahanan rangka struktur baharu perkasa BSEP - Adly

KEMENTERIAN Pertahanan akan bekerjasama dengan agensi pusat untuk merangka struktur baharu Bahagian Siber dan Elektromagnetik Pertahanan (BSEP) Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Timbalan Menteri Pertahanan, **Adly Zahari** berkata pendekatan itu akan membolehkan ATM seiring dengan organisasi siber pertahanan yang lain di rantau dan dunia, selaras dengan Kertas Putih Pertahanan yang menggariskan keperluan menubuhkan organisasi khusus untuk mengendalikan domain siber.

"Membina langkah keselamatan siber yang teguh dan memupuk kesedaran keselamatan siber adalah kritikal. Tanpanya, insiden seperti pelanggaran data dan gangguan infrastruktur kritikal akan menghakis integriti dan kredibiliti mekanisme pertahanan kita."

"Ini akan menimbulkan ketidaktentuan dalam kalangan pelabur dan rakyat memandangkan medan pertempuran hari ini melangkaui darat, laut dan udara untuk merangkumi dunia siber," katanya pada ucapan Perasmian Siber Siaga 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Mengulas tentang Siber Siaga 2023, Adly berkata program itu bertujuan meluaskan dan memperkuuh kerjasama merentas sektor dalam kalangan agensi kerajaan, pemain industri, ahli akademik dan komuniti siber.

Adly berkata medan perang digital moden ialah persekitaran kompleks yang memerlukan pelarasan dan penggunaan teknologi siber yang baru muncul untuk mencapai objektif ketenteraan sambil meminimumkan kesan yang tidak diingini.

"Siber Siaga 2023 mewujudkan platform yang akan menyokong dalam membolehkan asas bagi kerjasama yang komprehensif dan inklusif dalam kalangan sektor dan secara ideal menyumbang kepada konsep Pertahanan Komprehensif, satu daripada tonggak strategi dalam Strategi Pertahanan Malaysia," katanya.

Turut hadir ialah Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Affendi Buang; Pengurus Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat) Jen (B), Tan Sri Dr Zulkifeli Mohd Zin dan Pengarah Bahagian Siber dan Elektromagnetik Pertahanan, Laksamana Muda Datuk Shamsuddin Ludin.

Siber Siaga 2023 mewujudkan platform bagi pemimpin keselamatan siber ASEAN saling bertukar idea ke arah mengembangkan agenda keselamatan siber. - BERNAMA



SEKITAR sesi kunjungan dua delegasi ke DBKL yang turut membincangkan hala tuju dalam pelaksanaan agenda pembangunan mampan Kuala Lumpur baru-baru ini.

DBKL terima kunjungan hormat dua delegasi penting

HAZIRAH HALIM

DATUK Bandar Kuala Lumpur, Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh menerima kunjungan hormat daripada Delegasi Urbanice Malaysia yang merupakan rakan strategik kepada Matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goal* (SDGs), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di pejabatnya baru-baru ini.

Perjumpaan tersebut disertai Ketua Eksekutif Urbanice Malaysia, Norliza Hashim bersama beberapa pihak delegasi Urbanice Malaysia yang lain.

Dalam perjumpaan tersebut, beliau telah berkongsi hasrat dan hala tuju dalam pelaksanaan agenda pembangunan mampan Kuala

Lumpur selain turut mengemukakan beberapa cadangan bagi melebarkan operasi Pusat Setempat SDGs Kuala Lumpur.

"Selain itu, beliau juga turut membincangkan beberapa perkara berkaitan projek berkenaan dengan SDGs yang telah dijalankan oleh jabatan-jabatan dalaman di DBKL.

"Perbincangan juga menjurus dalam melihat kesinambungan kerjasama di antara DBKL dan Urbanice Malaysia serta cadangan projek usaha sama yang boleh dilakukan dalam menggerakkan usaha-usaha ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Mampan menjelang tahun 2030," jelas DBKL dalam satu hantaran di Facebook pada Selasa.

Dalam perkembangan lain, DBKL turut menerima kunjungan

daripada delegasi Pacific Northwest National Laboratory (PNNL) yang merupakan sebuah pusat kajian di bawah kerajaan Amerika Syarikat pada 14 Ogos lalu.

DBKL berkata kunjungan tersebut bagi menjalankan kajian berkenaan 'Pathways to a carbon-neutral Kuala Lumpur 2050' melalui penggunaan Model Analisa Perubahan Global (GCAM).

"Kunjungan ini diteruskan dengan sesi pembentangan dan perkongsian oleh PNNL kepada wakil-wakil Jabatan Dalaman DBKL mengenai kajian yang telah dijalankan," katanya projek tersebut melibatkan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bersama DBKL.

Sehubungan itu, DBKL selaku pentadbir bandar raya Kuala

Lumpur terus komited untuk menjayakan matlamat untuk menjadikan ibu kota Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya bebas karbon menjelang tahun 2050.

"Pelbagai inisiatif telah digerakkan menerusi pelan-pelan tindakan serta perancangan pembangunan yang holistik ke arah memenuhi matlamat ini."

Diharapkan dengan adanya kerjasama dan perkongsian seperti ini akan melancarkan lagi usaha DBKL untuk mencapai matlamat di atas," ujar DBKL yang memberi sepenuh komitmen dalam merealisasikan matlamat tersebut.

Perjumpaan tersebut melibatkan Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek DBKL, Mohamad Hamim dan Delegasi PNNL (Computational Scientist), Zarrar Khan. **WK**

ANDA BERBAKAT MENULIS BERITA?

Hantarkan sebarang berita menarik yang berlaku di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya atau Labuan.

Berita yang dihantar mestilah disertakan dengan foto atau rakaman video.


Berita dan gambar/video yang terpilih akan disiarkan di akhbar dan platform media sosial Wilayahku.

Setiap kandungan yang tersiar akan menerima bayaran sagu hati dan berpeluang menjadi Wartawan Komuniti (WK) Wilayahku.

Pastikan kiriman anda adalah asli dan tidak pernah disiarkan di mana-mana platform media lain.

Hantarkan kepada:

editorwilayahku@gmail.com



CERITA KEDAI KOPI

Tahniah Shuhaily, Allaudeen

KAWAN-KAWAN kedai Kopi ingin ucapan tahniah kepada Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Shuhaily Mohd Zin yang dilantik menjadi Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Bukit Aman berkuat kuasa 14 Ogos.

Beliau mengambil alih tempat bekas Pengarah JSJ, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay yang dilantik Timbalan Ketua Polis Negara pada Jun lalu.

Ini merupakan kejayaan membanggakan bagi Mohd Shuhaily. Bekas Ketua Polis Pulau Pinang itu dilantik Ketua Polis Kuala Lumpur Mei lalu. Hanya beberapa bulan di kontinjen Polis Kuala Lumpur beliau diangkat ke Bukit Aman.

Tentu pemilihan ini berdasarkan prestasi perkhidmatan. Kawan-kawan Kedai Kopi percaya, beliau akan meneruskan khidmat terbaik di tempat baharu yang skop tanggungjawab lebih besar dan mencabar.

Baru minggu lepas dalam ruangan ini kawan-kawan Kedai Kopi menulis mengenai Mohd Shuhaily yang memberi ingatan kepada

Ketua Polis Daerah (OCPD) di Kuala Lumpur agar tidak menjadi bos sebaliknya menjadi pemimpin kepada pegawai dan anggota bawahan.

Beliau muh mereka tidak hanya pandai memberi arahan tetapi mesti berani membuat keputusan tidak popular bagi memastikan tidak berlaku kemudarat dalam pasukan. Beliau muh mereka membuang salah laku sebelumnya serta memastikan pasukan mematuhi integriti.

OCPD mesti menunjukkan kepimpinan melalui teladan untuk memastikan operasi organisasi berjalan lancar. Dengan cara itu juga ketua akan dihormati. Rasa hormat mesti diterima atau diperoleh, bukan mengharap untuk diberi. Kata orang putih '*respect must be earned*'.

Kawan-kawan Kedai Kopi juga mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Datuk Allaudeen Abdul Majid yang dilantik Ketua Polis Kuala Lumpur baharu menggantikan Mohd Shuhaily berkuat kuasa 14 Ogos.

Sebelum ini beliau ialah Timbalan Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman. Dengan pengalaman dimiliki, Allaudeen diyakini mampu menjalankan tanggungjawab dengan cemerlang, memaju prestasi kontinen ke tahap lebih baik.

Diharap semua warga polis Kuala Lumpur akan memberi sokongan dan kerjasama sepenuhnya kepada Allaudeen dalam menjalankan tugas untuk memastikan tugas mencabar menjaga ketenteraman awam dilaksanakan dengan lancar.

Kawan-kawan Kedai Kopi ucapan tahniah kepada Mohd Shuhaily dan Allaudeen di atas pelantikan masing-masing ke jawatan baharu dan mengucapkan selamat maju jaya dalam menghadapi pelbagai cabaran tugas masing-masing.

Patuhi syarat lesen

LESEN diberi untuk tujuan lain tetapi disalah guna untuk tujuan lain. Memang wajar sangatlah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak tegas terhadap premis yang melanggar syarat pemberian lesen.

Perkara ini kerap dilaporkan berlaku di ibu kota. Minggu lalu enam premis restoran dan kedai makan di Jalan Telawi, Bangsar, disita dan diarah tutup serta-merta kerana tidak mematuhi syarat lesen. Operasi dijalankan oleh Jabatan Perlesenan dan Pembangunan Perniagaan serta Jabatan Pengukuasaan DBKL.

Tindakan siti diambil kerana restoran dan kedai makan yang sepatutnya tempat menjamu

selera didapati menjalankan aktiviti hiburan tanpa lesen dan menimbulkan kacau ganggu awam.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, tindakan oleh DBKL ini sangat wajar sebagai pengajaran kepada pemilik premis agar tidak melakukan kesalahan yang boleh menyebabkan premis mereka disita dan pada sama mengganggu ketenteraman awam.

Tindakan ini juga boleh menjadi pengajaran dan peringatan kepada pemilik premis lain agar tidak melakukan kesalahan sama jika tidak mahu tindakan diambil.

Jangan salahkan DBKL bertindak kerana itu adalah kesilapan pemilik premis sendiri. Beroperasihlah dengan mematuhi syarat lesen. Jangan cuba bermain silap mata dengan pihak DBKL dengan harapan perbuatan mereka tidak dikesat.

Walaupun kejadian berlaku di Bangsar, tidak mustahil di tempat lain di ibu kota perbuatan sama, ada dilakukan cuma belum dapat dihidu oleh DBKL.

Oleh itu, kawan-kawan Kedai Kopi berharap orang ramai membantu DBKL membanteras kegiatan tidak sihat ini. Laporkan kepada pihak berkuasa jika mengetahui ada premis yang melanggar syarat lesen agar kegiatan mereka dapat dihapus.



IMBAS
DI SINI

Perubatan MADANI

Fasa rintis Skim Perubatan MADANI dilaksanakan di daerah-daerah berikut:



AKAN DIPERLUASKAN:



Khusus untuk penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR)

Nilai rawatan Skim Perubatan MADANI:

BERKELUARGA



RM 250

WARGA EMAS
(TANPA PASANGAN)



RM 125

BUJANG



RM 75

*sah sehingga 31 Disember 2023

Semak kelayakan dan senarai Klinik Skim Perubatan MADANI di laman sesawang www.protecthealth.com.my/skimperubatanmadani
+603 8687 2525 spm@protecthealth.com.my

PERCUMA

DI KLINIK PANEL YANG BERDAFTAR
DI BAWAH SKIM PERUBATAN MADANI

Rawatan pesakit luar kes-kes akut tidak terhad kepada kes-kes berikut:

- ✓ Demam & Selsema
- ✓ Cirit birit & Muntah
- ✓ Terseliuh
- ✓ Sakit Kepala
- ✓ Trauma Ringan seperti Luka Ringan dan lain-lain

Rawatan yang tidak termasuk adalah:

1) Imunisasi Rutin; 2) Saringan Kesihatan; 3) Rawatan Susulan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) rutin;
4) Rawatan Susulan Ibu dan Anak Rutin; 5) Perancangan Keluarga Rutin; 6) Perkhidmatan Rehabilitasi;
7) Permintaan Ubat tanpa konsultasi doktor; 8) Permintaan Suplemen

LANGKAH UNTUK MENDAPATKAN RAWATAN:

1 SEMAK KELAYAKAN:
Semak kelayakan anda di laman sesawang ProtectHealth.

2 HADIR KE KLINIK:
Hadir ke mana-mana klinik swasta yang berdaftar dengan Skim Perubatan MADANI (boleh dikenal pasti dengan pelekat Skim Perubatan MADANI) dengan membawa kad pengenalan

3 TERIMA RAWATAN:
Jika anda layak anda boleh dapatkan rawatan pesakit luar kes-kes akut secara percuma.

4 BAKI MANFAAT:
Baki manfaat Skim Perubatan MADANI anda akan dikemas kini selepas anda selesai mendapatkan rawatan.

Tertakluk kepada Terma & Syarat

Kejujuran tidak susut nilai



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

DI Kuala Lumpur ini orang yang berkebolehan dan pandai pula menggunakan untuk mencari rezeki selalunya akan menggapai kejayaan. Kemudian ditambah pula dengan sikap jujur yang menjadi antara kunci kejayaan manusia dalam hidupnya. Berkebolehan dan bijak sahaja tidak cukup tanpa jujur dalam melakukan tugas.

Hidup di kota besar ibarat menduga nasib lautan luas. Yang tidak jujur dengan tujuan hidupnya, akan lemas dan hanyut. Mereka mungkin berjaya dari segi kebendaan, akan tetapi tidak selamanya apabila ketidakjujuran itu akhirnya terapung di permukaan.

Maknanya daripada sebesar-besarkan hingga sekecil-kecilnya, jujur tidak pernah berubah atau susut nilainya. Kejujuran sentiasa berada teratas daripada segalanya. Semuanya perlu jujur dengan tanggungjawab yang diberikan daripada golongan bawahan hingga atasan.


Berbuat jujur tidak mendatangkan kerugian sekalipun dalam situasi tertentu dilihat tidak menguntungkan. Akan tetapi matlamat kehidupan bukanlah sentiasa menguntungkan, apa lagi yang bersifat kebendaan. Orang yang jujur dengan pekerjaan atau tugasnya mendapat ketenangan yang orang yang mementingkan kebendaan tidak memahaminya.

Di Kuala Lumpur, mekanik kereta adalah satu bidang kerja yang sangat penting. Kedudukan mereka sebagai penyelesaian masalah orang ramai yang berdepan dengan kerosakan kereta boleh sahaja menjadi tidak jujur. Itu disebabkan kebergantungan pengguna kereta terhadap mekanik sangat tinggi.

Salah seorang daripada mekanik kereta di Kuala Lumpur adalah Ah Ho. Dia berdikari mencari rezeki dengan mengusahakan bengkel kereta sejak tahun 1970-an lagi.

Bekerja sendiri secara kecil-kecilan dan yang sangat diingati oleh pelanggan kerana sikapnya yang jujur.

Kejujuran itu tidak mengira darjat, kedudukan atau kaumnya. Bukan sahaja yang mempunyai kuasa dan bertanggungjawab pada hal-hal yang besar. Malah yang bertanggungjawab pada hal-hal yang kecil sekalipun mesti jujur dengan pekerjaannya.



BUKAN semua bengkel yang banyak itu diyakini boleh merawat penyakit kereta dengan belanja yang munasabah.

- Gambar hiasan

“Pemilik bengkel yang suka ‘sembelih’ pelanggan tidak bersikap jujur dengan tugasnya. Mereka melihat tentang keuntungan tetapi tidak memikirkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan. Maka kejujuran menjadi tanda pemisah antara yang suka menipu dan yang benar-benar mencari rezeki.”

Misalnya seorang mekanik ‘bawah pokok ceri’ yang pendapatannya kais pagi makan pagi, ada bezanya antara yang jujur dan yang sebaliknya. Memang benar yang jujur tidak akan kaya dengan kejujurannya. Tetapi berlaku tidak jujur juga tidak semuanya boleh kaya dan mengecapi kebahagiaan.

Di Kuala Lumpur yang jumlah kenderaan terutama kereta yang begitu banyak, maka banyaklah juga mekanik yang diperlukan untuk menampung keperluan itu. Ada berbagai-bagi jenis dan perangai – termasuk yang amatur dan sudah berpengalaman.

Ah Ho salah seorang mekanik yang mencari makan sebagai mekanik kereta di Kuala Lumpur. Saya mengenal Ah Ho sejak awal 1990-an ketika memiliki kereta pertama. Saya mengesan sikap jujur Ah Ho sekalipun ruang untuk tidak jujur terbuka luas terutama orang yang ‘buta’ kereta seperti saya.

Biarlah dilabel sebagai ‘bengkel bawah pokok ceri’ dan pendapatannya hanya daripada upah dan komisyen membeli alat ganti

daripada pengedar utama.

Jumlahnya memang kecil, dia pula terpaksa menghabiskan masa berjam-jam untuk mendapat upah yang relatifnya kecil bagi nilai di Kuala Lumpur.

Bengkel awalnya di tapak milik Utusan Melayu di Jalan Lima, Jalan Chan Sow Lin.

Ketika saya mula bekerja di Utusan Melayu awal tahun 1980-an, bengkelnya yang bertentangan bangunan lama Utusan Melayu sudah ada. Hampir semua pekerja Utusan Melayu yang ada kereta menjadi pelanggan tetapnya.

Di Kuala Lumpur, ‘bengkel bawah pokok ceri’ ada konotasi buruk – mekanik yang tidak mahir dan bengkel yang tidak menggunakan teknologi moden. Bagaimanapun Ah Ho seorang yang mahir, hanya kaedah kerjanya secara manual dan tidak berteknologi moden.

Di Kuala Lumpur juga memang banyak bengkel kereta. Berselerak di sana dan sini. Kalau dibaling batu akan terjatuh atas bengkel kereta. Banyaknya bengkel itu adalah petanda keperluan yang tinggi. Kereta pula adalah satu keperluan walaupun segelintir menjadikan kereta lambang gaya hidup.

Setiap pemilik kereta mempunyai bengkel yang serasi dengan mereka. Bukan semua bengkel yang banyak itu diyakini boleh merawat penyakit kereta dengan belanja yang munasabah. Yang penting mereka mencari bengkel yang boleh dipercayai.

Hal itu kerana banyak juga pemilik bengkel yang suka ‘sembelih’ pelanggan mereka hidup-hidup. Kalau boleh semua barang hendak ditukarnya sekalipun masih elok.

Bengkel mengaut keuntungan dengan menjual alat ganti.

Pelanggan yang menjadi mangsa kerana bukan semua orang tahu hal-hal enjin.

Pemilik bengkel yang suka ‘sembelih’ pelanggan tidak bersikap jujur dengan tugasnya. Mereka melihat tentang keuntungan tetapi tidak memikirkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan. Maka kejujuran menjadi tanda pemisah antara yang suka menipu dan yang benar-benar mencari rezeki.

Sepanjang saya mengenali Ah Ho lebih 30 tahun lalu, dia seorang mekanik yang jujur. Sikap itu sangat terserlah apabila pelanggan meminta menukar sesuatu alat ganti dan Ah Ho akan bertanya, “Pasal apa muah tukar, itu masih baik.” Padahal menukar alat ganti itu memberikan keuntungan – upah pasang dan komisyen daripada pengedar.

Kini Ah Ho sudah menutup bengkel daifnya di tepi Sungai Kerayong tidak jauh dengan bangunan Utusan Melayu. Keupayaannya semakin terbatas oleh faktor usia. Berman dengan enjin bukan kerja ringan, apa lagi Ah Ho membuat semuanya seorang diri. Tidak ada pekerja kecuali isterinya yang membantu sedikit sebanyak hal-hal bukan teknikal.

Pengalaman yang begitu lama sebagai mekanik memberi kelebihan untuk dia mengesan kerosakan daripada bunyi enjin. Dengan menggunakan saluran plastik sebesar kelengkeng, Ah Ho boleh mendengar bunyi alat tertentu yang rosak dalam enjin. Seperti doktor yang mengesan seseorang pesakit dengan stetoskop.

“Awak ni dah macam doktor Ah

Ho, boleh kesan penyakit kereta dengan mudah,” kata saya apabila melihat Ah Ho mengesan kerosakan dengan saluran plastik yang dilekatkan ke telinga. Ah Ho hanya tersengkeh.

“Dia tak belajar tinggi mana boleh jadi doktor di hospital, jadi doktor kereta pun okeylah,” jawab isterinya sambil ketawa. Pertama kali saya melihat mekanik menggunakan saluran plastik untuk mengesan kerosakan enjin. Bagi Ah Ho itu kaedah tradisional yang saintifik.

“Lebih 50 tahun saya dengar bunyi enjin. Mana yang tak betul saya boleh tau punya,” kata Ah Ho.

Ah Ho bukan orang berada. Bagaimanapun sikapnya yang mengutamakan kejujuran dalam semua urusan membuatkan dia tidak pantas kecewa atau putus asa apabila berdepan dengan dugaan hidup. Dia melakukan kerja dengan penuh minat sekalipun ada kalanya tidak setimpal dengan upah yang dikenakan.

Pelanggan sepanjang 50 tahun menjadi mekanik pasti akan mengingati Ah Ho kerana sikap jujurnya. Antara pelanggan Ah Ho adalah tokoh korporat Tan Sri Mansor Pateh Din (FD Mansor) yang pernah menjadi Pengurus Perjawatan Utusan Melayu tahun 1980-an. Kejujuran jarang boleh dilihat, akan tetapi dapat dirasa oleh jiwa.



RUMAH MERDEKA

Rumah ini mereka dirikan lantainya kesedaran tiangnya perpaduan dindingnya ketulusan.

Rumah ini mereka wariskan mempertaruhkan bijaksana mempertaruhkan keringat mempertaruhkan air mata.

Rumah ini kita kekalkan dengan jendela semangat dengan pintu muafakat dengan anjung keramat M-E-R-D-E-K-A.

Ini rumah merdeka milik kita bersama di dalamnya tersimpan sejarah dan khazanah sengketa dan toleransi kita ukir jadi legasi.

DAYANG AZIZAH MOHD SALLEH
Petra Jaya, Kuching

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU MEDIA WARGA KOTA

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Majukan Kampung Baru cara Sarawak

ADA satu perkara menarik diperkatakan oleh Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg, pada Perasmian HIKMAH Exchange di Kuching baru-baru ini. Beliau menyentuh mengenai Pembangunan Kampung Baru, Kuala Lumpur, walaupun ia bukan dalam bidang kuasa beliau.

Namun apa yang beliau perkatakan menunjukkan sikap prihatin terhadap Pembangunan Kampung Baru. Seperti yang diketahui umum, pelbagai perancangan Pembangunan Kampung Baru sudah dikemukakan, tetapi sehingga ini ia masih belum bergerak atau pergerakannya telur perlakan. Akibatnya proses pembangunan terus perlakan walaupun setelah berpuluhan tahun berlalu.

Pelbagai isu menjadi halangan seperti hak milik yang diwarisi oleh ramai pemilik menjadikan proses mendapat persetujuan bersama menjadi sukar, apakah lagi jika ada antara pemiliknya sudah terlebih dahulu menyahut seruan Ilahi.

Selain itu, timbul juga isu mengenai kadar pampasan yang bagi sebahagian penduduk sebagai rendah walaupun penilaian dibuat berdasarkan formula Jabatan Penilaian. Mereka mahu pampasan lebih tinggi kerana bagi mereka Kampung Baru berada dalam kawasan strategik, dikelilingi oleh pembangunan harta tanah hebat di sekelinginya.

Bagi Adi, gejala ini dan beberapa isu lain menjadi batu penghalang Pembangunan Kampung Baru sedangkan secara umumnya ramai mahu pembangunan dijalankan. Mereka mahu kawasan kampung di dalam bandar itu dibangunkan agar tidak ketinggalan dengan pembangunan lain di hadapan mata.

Namun selagi masalah yang membenggung tidak diatasi, proses pembangunan menyeluruh sukar dilaksana. Semakin lama waktu berlalu semakin banyak masa terbuang sedangkan Kampung Baru memerlukan pembangunan segera. Tambahan lagi pembangunan akan mengambil masa bertahun-tahun untuk dilaksana sepenuhnya.



PENTADBIR tanah di Kampung Baru boleh datang ke Kuching untuk melihat sendiri bagaimana PSB membangunkan tanah asal Melayu. - Gambar hiasan

Pihak kerajaan sendiri memang mahu pembangunan segera dilaksana. Tetapi dengan masalah yang wujud di depan mata, kerajaan bagai buntu untuk mengambil langkah mula jika tiada kata sepakat atau kesediaan bersama penduduk untuk menjayakannya.

Isu ini rupanya mendapat perhatian Abang Johari walaupun tiada hubungan kait antara Sarawak dengan Kampung Baru. Beliau bersedia berkongsi kaedah pengurusan harta tanah Bumiputera di kawasan bandar dengan pentadbir tanah harta tanah di Kampung Baru.

Adi difahamkan, beliau menawarkan untuk menggunakan kaedah yang diguna pakai oleh Permodalan Satok Berhad (PSB) membangunkan tanah masyarakat Melayu di kawasan bandar raya Kuching. Beliau optimis pembangunan harta tanah warisan di ibu negara boleh dilakukan dengan menggunakan kaedah sama.

Sehubungan itu, beliau menjemput pihak pentadbir harta tanah di Kampung Baru untuk datang ke Kuching dan melihat sendiri kaedah yang dilaksanakan oleh PSB.

Beliau sedia berkongsi

pengalaman PSB dengan mereka yang ingin membangunkan Kampung Baru. Pentadbir tanah di Kampung Baru boleh datang ke Kuching untuk melihat sendiri bagaimana PSB membangunkan tanah asal Melayu.

Pada pendapat Adi, tawaran ini wajar dipertimbang oleh pihak yang ingin membangunkan Kampung Baru untuk dijadikan pedoman. Sekurang-kurangnya boleh dipelajari kaedah berkenaan dan diterapkan seandainya sesuai.

Tidak dapat dipastikan sama ada PSB berdepan masalah seperti Kampung Baru dalam melaksanakan pembangunan iaitu isu pemilikan ramai serta juga isu pampasan. Andainya mereka juga menghadapi isu sama, bagi Adi memang amat wajar pengalaman mereka merungkai masalah dijadikan panduan menyelesaikan masalah Kampung Baru.

Paling tidak, tentu ada beberapa pendekatan yang diambil oleh PSB boleh dijadikan rujukan untuk penyelesaian isu Kampung Baru. Apa salahnya mengambil contoh yang baik dalam usaha memajukan diri sendiri.

Ambil contoh HIKMAH

“Beliau menawarkan untuk menggunakan kaedah yang diguna pakai oleh Permodalan Satok Berhad (PSB) membangunkan tanah masyarakat Melayu di kawasan bandar raya Kuching.

Exchange di bandar raya Kuching yang dibangunkan oleh PSB, anak syarikat milik Yayasan Hartanah Bumiputra Sarawak dengan kerjasama Pemegang Taruh projek, Harakah Islamiah Sarawak (HIKMAH), Majlis Islam Sarawak (MIS), LCDA Holdings Sdn Bhd dan Faradale Development Sdn Bhd.

Ia merupakan projek pembangunan harta tanah Bumiputera dalam bandar. HIKMAH Exchange merupakan sebuah bangunan komersial, terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu menara pejabat, pusat konvensyen serta kompleks komersial.

Inilah juga pendekatan yang dicadang bagi Pembangunan Kampung Baru. Cuma selain kompleks komersial, dicadang diwujudkan unit kediaman lebih selesa dan berprestij di Kampung Baru, terutama untuk penghuni yang kediaman mereka diambil alih bagi pembangunan.

Namun daripada segi umum, Adi melihat apa yang dilakukan oleh PSB itu boleh diguna pakai di Kampung Baru. Jika tidak keseluruhannya, mungkin ada beberapa aspek yang sesuai boleh untuk diimplimентasi.

Yang menarik, PSB membolehkan pentadbiran harta tanah di kawasan perkampungan Melayu di bandar raya Kuching dilaksanakan dengan teratur. Pendekatan PSB dapat membantu memelihara pegangan

harta tanah mereka.

Kerana itu model pembangunan harta tanah oleh PSB sesuai diguna pakai untuk membangunkan ekonomi komuniti dalam mengurus dan mentadbir harta tanah.

Sebenarnya ini juga matlamat Pembangunan Kampung Baru iaitu memelihara pegangan Melayu dan pada masa sama membangunkannya supaya daya saing serta nilai harta tanah lebih tinggi sejajar dengan nilai harta tanah di persekitaran.

Kampung Baru tidak harus sekadar menyaksikan sahaja pembangunan sekeliling sedangkan kampung tersebut terus ketinggalan, tenggelam dalam arus pembangunan. Adi percaya ramai mahu bergerak ke hadapan dan amat wajar sekali harapan mereka dipenuhi.

Kerana itu apa pun pendekatan yang sesuai dan praktikal bagi Pembangunan Kampung Baru, laksanakan dengan segera tanpa terlalu banyak penangguhan. Terlalu banyak bertangguh menjadikan perancangan terbengkalai.

Hakikatnya Kampung Baru sangat memerlukan pembangunan yang sepatutnya sudah lama dilaksanakan. Kita tidak mahu melihat rumah-rumah usang dan dalam keadaan daif masih berdiri di kampung berkenaan.

Gejala ini akan memberi mesej salah kepada orang luar seolah-olah Kampung Baru sengaja diabaikan sehingga boleh menyakitkan mata memandang. Ini kerana penampilannya sangat tidak setara dengan bangunan moden dan bangunan pencakar langit berhampiran.

Adi sedih kerana ramai yang ingin melihat Pembangunan Kampung Baru kecewa sehingga ke akhir hayat. Apa yang ingin mereka saksikan tidak menjadi kenyataan. Sekurang-kurangnya biarlah anak cucu merasai nikmat pembangunan berkenaan.

Oleh itu, Adi harap penduduk Kampung Baru bulatkan tekad dan sama-sama berazam mahu membangunkan kampung tradisi dalam bandar itu. Ini kerana hanya dengan kata sepakat baru pembangunan boleh dilaksanakan. Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat. Jika tidak dipecahkan ruyung, di manakan dapat sagunya.

Kepada pihak berkenaan, sambutlah tawaran Abang Johari yang bersedia membantu membangunkan Kampung Baru. Tidak perlu membuat apa-apa keputusan pada peringkat ini. Yang penting lihat dan kaji. Yang baik jadikan teladan, yang buruk jadikan sempadan.

Adi—Bersih itu indah

Adi Taah



SEBARANG bentuk penulisan seperti rencana, analisis isu, pendapat atau sajak boleh die-melkan kepada editor untuk siaran di dalam akhbar Wilayahku:

editorwilayahku@gmail.com



Fokus pelajar PPR/PA

PREPKOM tingkat pendidikan

HAZIRAH HALIM

PUSAT Pemeriksaan Pendidikan dan Komuniti (PREPKOM) di bawah inisiatif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) komited dalam membantu meningkatkan pendidikan pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Penyelia PREPKOM PA Seri Tioman 1, **Norsazliha Saidin** berkata inisiatif tersebut memberi peluang kepada murid-murid untuk mendapatkan kelas tuisyen persendirian secara percuma.

"Tidak semua ibu bapa mampu menghantar anak ke kelas tuisyen kerana kos yang mahal malah saya lihat sekarang ini ramai anak-anak yang mengabaikan pelajaran dan suka menghabiskan masa dengan permainan dalam talian, media sosial dan sebagainya."

"Jadi, dengan adanya kelas secara percuma ini sekurang-kurangnya mereka tidak ketinggalan dalam pelajaran di samping dapat melatih mereka untuk berdisiplin dalam mengulang kaji pelajaran," katanya kepada *Wilayahku*.



KELAS tuisyen di PA Seri Tioman 1 dikendalikan oleh guru terlatih.

Menurut Norsazliha, kelas tuisyen ini memfokuskan kepada lima mata pelajaran teras di peringkat sekolah rendah iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik dan Pendidikan Islam untuk membantu meningkatkan prestasi akademik mereka.

"Kelas tuisyen ini diadakan pada setiap hari Selasa dan Khamis pukul 5 petang sehingga 7 malam dan dikendalikan oleh guru-guru terlatih.

"Semenjak ia diwujudkan, rata-rata ibu bapa berpuas hati dengan inisiatif yang dilaksanakan

malah anak-anak yang menyertai kelas ini lebih bersemangat untuk belajar dan mereka juga aktif bertanya kepada guru jika terdapat perkara yang tidak difahami," ujarnya.

Terdahulu, kelas tuisyen persendirian di bawah PREPKOM

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852

Jabatan Agama Islam KL
03-2274 9333

Jabatan Agama Islam Putrajaya
03-8884 2600

Jabatan Agama Islam Labuan
087-415 311

Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

ini diwujudkan atas saranan ibu bapa dan sokongan YWP yang melihat keperluan anak-anak untuk mendapatkan akses pendidikan yang terbaik buat mereka.

Selain itu, PREPKOM yang terletak di 10 lokasi PPR/PA merupakan ruang komuniti setempat menjalankan pelbagai aktiviti seperti mesyuarat kejiran, kelas pengajian Al-Quran, kursus kemahiran dan keusahawanan. **WK**

JCI Malaysia perkasa belia, masyarakat menerusi Program CEP dan LIP

PROGRAM Peningkatan Kerjaya (CEP) dan Program Intensif Kepimpinan (LIP) yang dilaksanakan bagi memperkasakan belia negara sebagai pelapis pemimpin baharu mendapat penyertaan menggalakkan.

Presiden Junior Chamber International (JCI) Malaysia, **Datuk Matt Ngai Chee Ha** berkata ia merupakan projek pembangunan kepimpinan perdana baharu yang bertujuan untuk memperkasakan belia dan masyarakat dalam bidang kepimpinan sekali gus merubah mereka menjadi pemimpin masa hadapan.

"Program CEP memberi fokus kepada peningkatan kemahiran komuniti setempat seperti kemahiran komunikasi yang berkesan, *sustainability* dan transformasi digital.

"Manakala, Program LIP pula adalah aktiviti *bootcamp* yang berlangsung selama dua hari bertujuan untuk membangunkan belia dan komuniti menerusi kemahiran

kepimpinan teras yang mengandungi lima pecahan topik.

"Antaranya Kepimpinan Berkesan Untuk Dunia Yang Berubah (*Effective Leadership for a Changing World*), Bercakap, Berpengaruh, dan Berjaya (*Speak, Influence, and Succeed*), Bagaimana Mengadakan Mesyuarat Berkesan (*The Art of Effective Meetings*), Menerajui Projek dan Menangani Risiko (*Leading Project and Risk Management*) serta Mengurus Tajaan dan Perhubungan Awam (*Spearheading Sponsorship and Public Relation Management*)," katanya.

Matt Ngai berkata kedua-dua pelaksanaan program yang dianjurkan JCI Malaysia melalui Sekolah Kepimpinan JCI Malaysia mendapat kerjasama dan sokongan daripada 13 jurulatih bertauliah dari seluruh Malaysia.

"Dengan kejayaan kedua-dua program tersebut, JCI Malaysia yakin kelas CEP pada 20 Ogos dan 3 September ini juga dapat menarik lebih ramai penyertaan," ujarnya sebarang maklumat lanjut boleh menghubungi Pengarah Pendaftaran, Ilya di talian **013-695 6823** atau Pengurus Pengangur, Jack Lee, **016-897 3057**. **WK**

PARA peserta program yang diadakan di Hab Pembangunan Kemahiran JCI Malaysia, Setiawangsa, Kuala Lumpur.

'AINU SHAM (dua dari kiri) dan Yong Yoon Li (tiga dari kanan) ketika sesi MoU di Royal Selangor, Kuala Lumpur baru-baru ini.'

Kraftangan, Royal Selangor martabat industri kraf negara

MEMORANDUM Persefahaman (MoU) antara Kraftangan Malaysia dengan Royal Selangor International Sdn Bhd dilihat sebagai salah satu usaha dalam memartabatkan industri kraf negara.

Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia, **Ainu Sham Ramli** berkata melalui gandingan kerjasama ini, kedua-dua pihak dapat memanfaatkan informasi dan kepakaran masing-masing bagi penghasilan produk melambangkan budaya Malaysia.

"Saya yakin bahawa kerjasama ini dapat membantu usahawan kraf mengembangkan bakat dan perniagaan mereka sekali gus membuka peluang untuk bekerjasama dengan Royal Selangor."

"Ia juga dapat mempelbagaikan variasi produk serta

memperluaskan saluran pemasaran di bawah jenama Royal Selangor," katanya sejurus menandatangani MoU bersama Pengarah Urusan Royal Selangor International Sdn Bhd, Yong Yoon Li.

Ia turut disaksikan Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Khairul Firdaus Akbar Khan dan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Roslan Tan Sri Abdul Rahman.

Sempena Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, pelbagai aktiviti seperti demonstrasi kraf ukiran kayu dan seramik oleh pelajar Institut Kraf Negara sebagai salah satu pengisian aktiviti di Royal Selangor Visitor Centre bermula 10 Ogos sehingga 17 September. **WK**

WIK

BIL 224. 18 - 24 OGOS 2023

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

Semarak perpaduan kaum

TANGGAL 31 Ogos 1970 genaplah 53 tahun pembentukan Rukun Negara yang merupakan sebuah ideologi dan menjadi teras panduan serta gagasan kebangsaan Malaysia.

Bagi melahirkan rakyat Malaysia bersatu padu melalui penghayatan Rukun Negara maka ia perlu disemai dan dihidupkan dalam setiap jiwa golongan masyarakat tidak kira usia, latar belakang dan kaum.

SAMBUNGAN DI MUKA 10



Foto: SYUQQREE DAIN
HAZIRAH HALIM

TRAGEDI 13 Mei 1969 kekal dalam lipatan sejarah menyaksikan berlakunya tragedi rusuhan perkauman yang telah menghancurkan perpaduan dan ketenteraman di dalam negara.

Rentetan daripada peristiwa tersebut, Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang diketuai oleh Tun Abdul Razak membentuk sebuah falsafah yang menjadi tunggak negara.

Maka, Rukun Negara telah diisytiharkan pada tarikh 31 Ogos 1970 oleh Yang di-Pertuan Agong keempat, Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin sempena Hari Kebangsaan Malaysia ke-13.

Ia juga sekali gus menjadi antara usaha kerajaan dalam menangani masalah perkauman demi memperkuatkan ketahanan negara dan mengekalkan perpaduan bangsa.

Berdasarkan tujuh tunjang utama iaitu Ketuhanan (*Belief in God*), Kesetiaan (*Loyalty*), Keadilan (*Justice*), Kewarganegaraan (*Citizenship*) dan Keutuhan (*Integrity of the Nation*), penyataannya juga menggariskan lima prinsip dan cita-cita dalam *preamble* (mukadimah) yang perlu difahami

Tunjang utama keharmonian kaum



dan dihayati oleh setiap lapisan masyarakat.

Lima prinsip dan cita-cita ini bertindak sebagai tiang seri dan panduan hidup masyarakat berbilang bangsa di mana kita harus menjadikannya sebagai formula mujarab untuk menangani pelbagai krisis yang berlaku dalam kalangan masyarakat.

Kerajaan telah

melipatgandakan usaha untuk melahirkan rakyat Malaysia bersatu padu melalui penghayatan Rukun Negara. Selaras usaha tersebut, Kementerian Perpaduan Negara menjadi pemacu utama agenda itu melalui pelaksanaan program, dasar-dasar dan pemerkasaan jentera perpaduan.

Menteri Perpaduan Negara, **Datuk Aaron Ago Dagang**

berkata dalam menyokong hasrat Kerajaan, kementeriannya mencadangkan agar Lafaz Ikrar Rukun Negara dibaca penuh bermula dengan mukadimah dan diikuti dengan lima prinsip berkenaan dalam program-program rasmi kerajaan termasuk peringkat sekolah sebagai usaha menyemai taat setia dan rasa cintakan negara.

"Rukun Negara jangan hanya

menjadi perhiasan di bibir sahaja tetapi hendaklah dijadikan pelita di hati. Dengan berpegang teguh kepada prinsip tersebut, kita mampu menjadi rakyat Malaysia yang bersatu padu, kukuh serta berwibawa bagi menghadapi apa jua cabaran.

"Kita hidupkan kembali Rukun Negara ini sebab kalau dulu tahun 70-an, 80-an memang Rukun Negara dilafazkan di semua sekolah. Setiap hari pertama, setiap minggu masa majlis perhimpunan.

"Semua pihak perlu menjadikan sesi lafadz ikrar yang dibaca penuh itu sebagai budaya dalam setiap majlis bagi meningkatkan semangat patriotisme dan jati diri selain kita juga mencadangkan supaya lafadz Rukun Negara turut dilakukan pada setiap kali majlis pembukaan Dewan Rakyat dan Dewan Negara," ujar beliau.

Beliau berkata demikian pada Majlis Peluncuran Eksplorasi Rukun Negara yang diadakan di MyTown Cheras, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Terdahulu, cadangan untuk mengembalikan lafadz Rukun Negara yang dibaca penuh itu telah diluluskan oleh kabinet pada 25 Julai lalu selain turut menyertai generasi kini peka dengan Rukun Negara dan menghayati erti sebenar kewujudannya kerana Rukun Negara bukan hanya untuk dihafal atau diikrarkan tetapi ia perlu diterapkan dalam kehidupan seharian. **WK**

Kelab Rukun Negara diperluas

WARGA pendidik dilihat memainkan peranan penting dan menjadi ejen untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan generasi muda bermula di bangku sekolah.

Menteri Pendidikan, **Fadhlina Sidek** berkata penubuhan Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah seluruh negara juga penting dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk memupuk semangat perpaduan, memperkenalkan serta menerapkan lima prinsip terkandung dalam Rukun Negara.

"Sehingga kini, sebanyak 6,849 KRN telah ditubuhkan di seluruh negara dan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja terdapat sebanyak 302 KRN. Kelab ini telah pun berada di sekolah-sekolah setelah sekian lama dan akan diperluaskan.

"Usaha membudayakan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian masyarakat termasuk generasi muda khususnya kalangan pelajar sekolah mahupun universiti sedang giat

dilaksanakan.

"Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut mengadakan Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Sekolah 2023 yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengalaman (4P) dalam diri murid sekolah sekaligus menjadikannya sebahagian daripada sikap dan tingkah laku untuk mengukuhkan semangat cintakan negara," ujar beliau pada Majlis Peluncuran Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Sekolah 2023 di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Bintang Utara.

Selain itu, salah satu usaha yang dilaksanakan adalah meluncurkan Program Eksplorasi Rukun Negara bertempat di Pusat Beli-Belah MyTown, Kuala Lumpur susulan persetujuan kerajaan atas cadangan KPN agar sesi lafadz ikrar berkenaan dibaca penuh bermula mukadimah dan diikuti dengan lima prinsip Rukun Negara semasa perhimpunan di semua sekolah. **WK**





Aktiviti santai sesuai jiwa muda



DIANA AMIR

PROGRAM di bawah *flagship* Kembara Perpaduan Malaysia Madani dalam kluster Semarak Kenegaraan iaitu Eksplorasi Rukun Negara menyasarkan golongan muda sebagai agen Rukun Negara. Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Perhubungan Masyarakat Kementerian Perpaduan Negara (KPN), **Rina Ab Harun** berkata aktiviti-aktiviti yang diadakan juga lebih santai dan menggunakan pendekatan popular yang bersesuaian dengan jiwa generasi muda. “Antaranya Dialog Anak Muda,

Kisah Wajah-Wajah Malaysia, Perpaduan Got Talent, Muzikal Eksplorasi Rukun Negara, Kapsul Suara Anak Malaysia, Kempen Budi Bahasa #cakapbaikbaik dan banyak lagi.

“Kisah Wajah Malaysia membawa impian masyarakat khususnya golongan muda mengenai apa impian mereka terhadap negara sama seperti Dialog Anak Muda yang mengetengahkan idea, keinginan serta hasrat belia di mana setiap aspirasi dilontarkan akan dibawa ke peringkat kementerian dan jabatan untuk diselaraskan dengan pendekatan dasar-dasar kerajaan yang bersesuaian.

“Manakala Kempen Budi Bahasa #cakapbaikbaik pula untuk memastikan generasi muda ini peka bahawasanya menuju negara maju, kesopanan dan tatasusila tetap tidak dilupakan.

“Selain itu, kita juga mempunyai persembahan sketsa, tarian dan banyak lagi dalam konteks menzhahirkan kecintaan terhadap negara,” jelasnya Faizal Tahir turut dilantik sebagai Rakan Eksplorasi Rukun Negara kerana sering membawa semangat perpaduan di dalam lagu dan persembahannya.

“Program ini akan menelusuri semua peringkat sama ada di sekolah, kementerian, Institut Pengajian Tinggi, pemimpin komuniti dan orang awam di seluruh negeri secara berperingkat.

“KPN juga bergerak dengan Kapsul Suara Anak Malaysia di peringkat digital di mana kita memanfaatkan kedua-dua pendekatan secara *online* dan *offline*. Di mana pun kita berada generasi muda merupakan momentum utama untuk KPN menguar-uarkan berkenaan Eksplorasi Rukun Negara ini,” katanya. **WK**





'Tayangan Skrin Besar' buat penyokong Speedy Tigers

Foto: FARIS AZMI/PPj
SYUQQREE DAIN

DATARAN Putrajaya, Presint 3 merupakan destinasi tumpuan yang sememangnya tidak asing lagi buat penyokong sukan tempatan berkumpul bagi menyaksikan siaran langsung perlawanan menerusi skrin besar yang disediakan oleh pihak Perbadanan Putrajaya (PP).

Sehubungan itu, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengadakan program 'Tayangan Skrin Besar' pada Sabtu lalu di Dataran Putrajaya dan dibanjiri orang ramai bagi memberi

sokongan padu buat skuad hoki negara pada aksi Perlawanan Akhir Kejohanan Hoki Hero Trofi Juara-Juara Asia 2023 antara Malaysia dan India.

Skuad Speedy Tigers di bawah bimbingan Arul Selvaraj berjaya mencipta sejarah apabila mara ke final kejohanan itu buat kali pertama namun tidak kesampaian untuk meraih gelaran juara apabila tunduk dengan jaringan 3-4 kepada pasukan tuan rumah, India di Chennai.

Tayangan skrin besar ini turut diserikan dengan kehadiran Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh dan Ketua Setiausaha KBS, Dr Nagulendran Kangayatkarasu.

WK





Program Jalan Kaki PPj promosi gaya hidup sihat

Foto: FARIS AZMI/PPj
SYUQQREE DAIN

PROGRAM Jalan Kaki Perbadanan Putrajaya (PPj) Siri 1/2023 yang diadakan pada 10 Ogos lalu telah disertai oleh Presiden PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud bersama warga kerja PPj yang berkonsepkan berjalan secara santai sejauh 3

kilometer.

Acara tersebut diadakan oleh PPj selaku pihak berkuasa tempatan yang sentiasa memainkan peranan aktif dalam menggalakkan gaya hidup sihat dan memperkasakan inisiatif bandar rendah karbon dalam kalangan penduduk Putrajaya.

Pelaksanaan program seperti ini diharap akan menjadi satu rutin riadah, bukan sahaja dapat membantu meningkatkan kesihatan badan dan mewujudkan komuniti yang sihat serta terhindar daripada tekanan, malah dapat menikmati keindahan persekitaran pusat pentadbiran kerajaan sambil beriadah. **WK**



Isu penculikan, pemerdagangan kanak-kanak dalam Walid



DEEL ANJER

SETELAH kejayaan filem Geran yang ditayangkan pada tahun 2019, Layar Pictures dengan bangganya menerbitkan sebuah lagi filem aksi berjudul Walid.

Mengangkat isu penculikan kanak-kanak, Walid merupakan sebuah filem aksi yang sarat dengan elemen seni mempertahankan diri iaitu silat.

Menurut Pengarahnya, **Areel** berkata Walid bukan sekadar sebuah filem aksi semata-mata.

"Walid turut mengangkat isu kemanusiaan dan kenegaraan dengan menerapkan silat yang merupakan warisan budaya sebagai ramuan utama.

"Ia juga menekankan betapa pentingnya pendidikan kerana ada

sesetengah ahli masyarakat ditolak hak untuk mencari pengetahuan.

"Tidak hanya itu, Walid juga menggambarkan isu panas pemerdagangan manusia di mana kanak-kanak digunakan untuk menjadi komoditi dalam pasaran hitam global," katanya.

Dalam pada itu, Areel menjelaskan istimewanya filem ini apabila barisan pelakon ratatanya mempunyai asas dalam seni mempertahankan diri.

"Untuk filem Walid, saya memang memilih pelakon yang ada ilmu silat kerana ia bergantung kepada keperluan skrip memandangkan ini adalah filem aksi.

"Boleh dikatakan 99 peratus pelakon yang terlibat dalam aksi pertarungan adalah pesilat sebenar dan itu kelebihan filem Walid untuk menarik penonton," ujarnya.

Sementara itu, salah seorang pelakon utama, Namron

menyatakan antara sebab yang mendorong dia untuk berlakon dalam filem ini adalah kerana plot cerita yang menarik.

"Saya melihat Areel ini sebagai pengaruh yang sangat berbakat dan mampu menghasilkan filem yang memenuhi selera penonton.

"Bekerja di bawah arahan Areel bagi saya, beliau seorang pengaruh yang tenang tetapi mempunyai semangat seorang perajurit Malaysia yang tidak pernah menyerah," katanya.

Selain Namron, barisan pelakon lain yang terlibat antaranya Megat Sharizal, Fad Annuar, Fieyna Tajudin, Puteri Qaseh, Shamputra, Yusran Hasim dan ramai lagi.

Diterbitkan oleh Layar Pictures Sdn Bhd Walid akan ditayangkan pada 14 September depan.

Pada masa sama, Walid juga telah ditayangkan di Amerika Syarikat.



SALAH satu babak adegan dalam filem Walid.

Batal majlis nikah, Mimi Lana yakin ada hikmah

TERKEJUT betul baru-baru ini apabila majlis nikah pasangan pelakon popular Syafiq Kyle dan Mimi Lana dibatalkan.

Sedih tu memanglah sedih. Namun Mimi Lana menganggap ini ada hikmah yang menjanjikan perkara terbaik buat diri mereka berdua.

Menurut Mimi, dia berharap dugaan yang dilalui ini dapat membentuk dirinya menjadi seorang Muslim yang lebih baik kelak.

"Semoga Allah merahmati saya dan dia serta memberikan kami ketenangan. Semoga Allah mengizinkan saya dan dia melalui ujian kesabaran ini dan menjadikan kita seorang Muslim yang lebih baik.

"Semoga apa yang saya dan dia percaya sebagai yang paling buruk untuk saya dan dia sebenarnya adalah yang terbaik untuk kami di dunia dan akhirat," tulisnya di Instagram.

Dalam hantaran yang sama, Mimi juga berharap agar dirinya diberi

kekuanan untuk menempuh hari-hari yang mendatang.

"Semoga Allah memberi saya dan dia kekuatan, kesabaran untuk terus melangkah. Semoga Allah memberikan kami dikelilingi dengan mereka yang positif.

"Semoga setiap air mata yang kita tumpahkan menjadi jalan untuk menghapuskan dosa, semoga setiap doa yang kita panjatkan dan ucapan dimakbulkan," tulisnya.

Terdahulu, pada Jumaat lalu, industri hiburan dikejutkan dengan pengumuman pembatalan majlis pernikahan Mimi dan Syafiq yang sepatutnya diadakan pada hari ini.

Sebelum ini, Mimi diraikan dalam satu majlis istimewa yang hanya dihadiri sahabat rapat antaranya Fazura, Amelia Henderson, Azira Shafinaz, Nabila Huda dan Sherry Alhadad.

Untuk rekod, hubungan pasangan ini dikatakan pernah terlerai pada Mei 2020 selepas lima tahun menyulam cinta namun kembali bertaut apabila masing-masing dilihat berkongsi gambar di media sosial. Mimi dan Syafiq bertunang pada 21 Januari 2023.



Jamal Abdillah kecewa tetapi reda

SEDANG tiket laris bak goreng pisang panas, Konsert Jamal Abdillah Live in Concert yang dijadualkan berlangsung di Plenary Hall, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 9 September ini ditunda pulak ke November depan.

Datuk Jamal Abdillah, 64, berkata dia dimaklumkan oleh penganjur, Shiraz Projects konsert itu terpaksa ditunda ke tarikh baru kerana berdepan masalah teknikal.

"Saya difahamkan penganjur, jadual pengaruh muzik dari Orkestra Filharmonik Malaysia (MPO), Ahmad Muriz Che Rose yang sepatutnya terbabit dengan konsert skala besar itu bertindih dengan acara lain.

"Saya ada mencadangkan kepada penganjur untuk menggantikan tempat Ahmad Muriz kepada komposer terkenal, S Atan dan pasukan muziknya tetapi terpulang pada penganjur kerana saya cuma menyanyi saja," katanya ketika ditemui pada sidang media Akustika Kekasih Awal dan Akhir baru-baru ini.

Dalam masa yang sama, Jamal menafikan penundaan konsert disebabkan penjualan tiket yang kurang sambutan.

"Saya dimaklumkan sebanyak 600 tiket untuk tempat duduk paling mahal berharga RM995 juga sudah habis dijual. Kalau nak ikutkan, saya kecewa dengan penundaan konsert ini tetapi dalam mana-mana konsert pun masalah teknikal adalah perkara biasa.

"Bagaimanapun, saya tidak dapat mengulas lebih lanjut kerana semua perkara berkaitan dengan penundaan konsert ini akan

dimaklumkan penganjur nanti," katanya.

Terdahulu, penganjur, Shirazdeen dalam kenyataannya ketika sidang media konsert berkenaan pada 31 Julai lalu yakin penjualan tiket akan habis seperti yang dijadualkan.

Katanya, pihaknya memilih Jamal kerana percaya dengan pesona dan kredibiliti penghibur legenda itu.

Walau bagaimanapun, tiket boleh dibeli menerusi [www.myticket.asia](http://myticket.asia). **WK**





Riadah di kota batu



Foto: SYUQQREE DAIN
HAZIRAH HALIM

TAMAN Tasik Titiwangsa yang dahulunya merupakan kawasan lombong kini menjadi lubuk baharu buat penggemar aktiviti air untuk melepaskan 'gian' bermain *paddle boat* dan kayak pada masa lapang terutama hujung minggu.

Terletak kira-kira 7 kilometer (km) dari pusat bandar Kuala Lumpur, White & Black Aquasports Titiwangsa berjaya menarik perhatian pengunjung tempatan termasuk antarabangsa yang mengunjungi lokasi berkenaan.

Pengurus Pemasarannya, **Liyana Jasmine** berkata ia satu-satunya lokasi yang menawarkan aktiviti air iaitu *paddle boat* dan kayak di tengah tasik di ibu kota



LIYANA

dengan harga bermula RM10 hingga RM30.

"Untuk aktiviti kayak, kita ada dua jenis iaitu kayak persendirian dibuka hanya untuk golongan dewasa sahaja dengan harga RM20 seorang manakala kayak berdua pula dibuka untuk kanak-kanak berumur tujuh hingga 12 tahun (RM10) dan dewasa (RM15).

"Bagi *paddle boat* pula, ia lebih kepada aktiviti riadah bersama keluarga kerana ia untuk semua jenis golongan daripada peringkat kanak-kanak sehingga dewasa dengan harga bermula RM10 hingga RM20," katanya kedua-dua aktiviti tersebut dijalankan selama 30 minit bagi satu sesi.

Menurut Liyana, permintaan aktiviti *paddle boat* lebih tinggi berbanding kayak kerana ia lebih santai dan sesuai untuk dilakukan oleh golongan dewasa mahupun kanak-kanak.

"Kita dapat, kebanyakan

pengunjung yang datang dengan keluarga mesti akan memilih aktiviti *paddle boat* sebab lebih rileks dan selamat untuk dinaiki oleh kanak-kanak juga manakala kayak pula rata-ratanya lebih tertumpu kepada golongan remaja atau dewasa.

"Walau bagaimanapun, pengunjung tidak perlu risau. Sebelum melakukan aktiviti ini, mereka akan diberikan penerangan ringkas oleh pekerja selain jurulatih akan sentiasa memantau keselamatan di tasik ini."

"Pengunjung tidak boleh melebihi bendera merah kerana di situ tempat orang bermain polo air dan kawasannya berlumut jadi agak berisiko selain perlu memakai jaket keselamatan dan meniup wisel sekiranya berlaku kecemasan," katanya.

Liyana berkata antara keunikan lain yang terdapat di White & Black Aquasports Titiwangsa adalah pemandangan tasik yang sangat tenang dan cantik serta berlatarbelakangkan bangunan ikonik negara iaitu Menara Berkembar Petronas.

"Di sini merupakan satu-satunya lokasi yang menawarkan aktiviti air di tengah bandar ibu kota, sesiapa pun yang melakukan aktiviti di sini sama ada berkayak, *paddle boat*, berbasikal mahupun jogging akan terpesona dengan pemandangan bandar."

"Disebabkan keindahan tersebut, bilangan pengunjung

juga bertambah sejak kami mula beroperasi pada awal Julai lalu, mungkin juga kerana video yang ditularkan oleh orang ramai di platform TikTok," katanya ia turut mendapat mendapat sambutan menggalakkan daripada pengunjung luar negara seperti Singapura, Indonesia dan lain-lain.

Tambah Liyana, untuk menarik kehadiran pengunjung, pihaknya juga turut menganjurkan segmen 'We Ask You Answer' tatkala pengunjung sedang beratur menunggu giliran untuk melakukan aktiviti tersebut.

"Caranya senang, mereka perlu follow Instagram kami dan kita akan tanya satu soalan, mana-mana pengunjung yang dapat jawab soalan itu akan diberikan baucar tiket RM50 untuk digunakan dalam tempoh seminggu," katanya.

PAKEJ TEAM BUILDING

ANTARA tarikan lain, White & Black Aquasports Titiwangsa turut menyediakan paket *team building* untuk mana-mana syarikat, agensi kerajaan, sekolah mahupun aktiviti keluarga.

"Harga untuk paket ini terbahagi kepada dua iaitu RM38 bagi tiga permainan dan RM50 untuk lima permainan. Kebiasaannya untuk paket ini kita akan cadangkan kepada pelanggan untuk datang pada hari bekerja kerana tidak mahu mengganggu operasi pada hujung minggu."

"Justeru itu kami amat mengalu-alukan mana-mana pihak syarikat, sekolah mahupun agensi kerajaan untuk datang ke sini," katanya lagi. **WK**



Donut & Kamu tawan selera warga Labuan



KHAIRUL IDIN

BIARPUN kuih donut merupakan antara yang mudah didapati di pasaran namun ia tetap menjadi pilihan Al Malik Hassan Pulon dan tiga orang adik-beradiknya untuk diketengahkan.

Ini kerana, kuih tersebut membawa banyak memori indah kepada mereka sejak dari kecil lagi. Malah, ketiga-tiganya juga boleh dikatakan pakar dalam membuat kuih donut yang dipelajari daripada kaum keluarga.

Menurut **Al Malik**, kuih tersebut mengimbau kenangan di mana satu ketika dahulu dia sering berlari setiap kali pulang dari sekolah petang semata-mata ingin menikmati kuih donut hasil air tangan ibu kesayangan.

Dek kerana itu jugalah, dia mempelajari cara pembuatan kuih tersebut sehingga menjadikannya pendapatan sampingan pada hari ini. Malah dia seakan tidak percaya, ramai yang berpuas hati dengan donut yang dihasilkan di bawah jenama Donut & Kamu ini.

"Biasanya kami akan menghasilkan minimum 20 kilogram donut setiap hari kecuali hari Jumaat dan akan mula dijual seawal pukul 10 pagi. *Alhamdulillah* kami tidak mengambil masa yang lama untuk menghabiskan donut.

"Memandangkan banyak persaingan kuih tersebut di sini, dan saya rasa di mana-mana pun begitu juga jadi, kami

sangat mementingkan kualitinya berbanding kuantiti yang dihasilkan.

"Kami tak nak kuih donut yang dihasilkan tidak gebu dan liat apabila terdedah dengan udara. Jadi, untuk itu saya akan pastikan bahan-bahan yang tepat supaya kualitinya terjamin.

"Dari segi adunan dan tepung sama sahaja dengan orang lain, cuma yang membezakan adalah tempoh masa untuk menjadikan adunan itu mengembang dengan sempurna," ujarnya untuk menarik perhatian pembeli, donut yang dihasilkan bersaiz besar supaya mereka puas dan berbaloi dengan harga RM1.25 sebiji.

Katanya lagi, setiap adunan tepung mengambil masa kira-kira tiga jam sebelum dimasak bagi memastikan dia tersebut sempurna. Setelah dimasak, mereka akan memastikan donut tersebut tidak menyerap minyak.

"Setakat ini, kami hanya menawarkan tiga variasi perisa iaitu susu, gula dan coklat. Pun begitu dalam masa terdekat, kami juga bercadang untuk menambah pelbagai pilihan *topping* mengikut kehendak pelanggan," katanya kepada *Wilayahku*.

PERLUAS PERNIAGAAN


MENGULAS lanjut akan perancangan masa hadapan, Al Malik berkata dia sedang merancang untuk membuka kedai fizikal yang lebih besar dan selesa di mana para pelanggan dapat duduk menikmati makanan yang dipesan.

"Mungkin juga saya akan

menjual menu lain dalam masa yang sama. *Insya-Allah* ia akan direalisasikan kerana itu merupakan cita-cita saya sejak dari dahulu lagi. Untuk itu, saya sedang merancang untuk menambah bilangan pekerja supaya ia lebih lancar.

"Secara jujurnya, sejak akhir-akhir ini persaingan dalam perniagaan pastri agak singit namun saya percaya kepada rezeki. Asalkan kita ikhlas pasti Allah akan permudahkan," ujarnya yang turut mendapat tempahan untuk majlis keraian.

Tambahnya lagi, dia kini sedang mengikuti pelbagai kursus perniagaan untuk menimba ilmu sebanyak mungkin dalam selok-belok perniagaan makanan untuk persediaan membuka lebih banyak cawangan pada masa akan datang. **WK**



AL MALIK (kiri) menjalankan perniagaan donut bersama tiga orang adik-beradiknya yang lain.

Dapatkan juga versi e-paper WILAYAHKU di www.wilayahku.com.my

LOKASI EDARAN:

UTC
PUSAT TRANSFORMASI BANDAR

alamanda
SHOPPING CENTRE

STesen SENTRAL
Kuala Lumpur

TBS
TERMINAL BERSEPADU SELATAN

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

iKKI
BUKA 24 JAM

ELEVEN

99 SPEEDMART®

Akhbar mingguan WILAYAHKU juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti di pejabat-pejabat kerajaan, masjid, surau, stesen minyak, restoran, premis perniagaan, stesen LRT/MRT serta banyak lagi lokasi tumpuan orang ramai.

wilayahku.com.my

Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

PENGIKLANAN AKHBAR

MUKA PENUH
26 cm X 32 cm
RM7,500



SEPARUH MUKA
26 cm X 16 cm
RM5,500



SUKU MUKA
13 cm X 16 cm
RM4,500



PANEL BAWAH
26 cm X 6 cm
RM4,500

PENGIKLANAN DIGITAL**IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA**

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu
di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

03-8861 5260

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797-X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Perkasa STI lonjak kedudukan Malaysia sebagai juara ekonomi serantau

CHANG LIH KANG

TEMPOH selama kira-kira tiga tahun sejak seluruh dunia berdepan pandemik COVID-19 hingga kini, memberikan pengajaran berharga terutama apabila bercakap mengenai pertumbuhan ekonomi.

Ketika seluruh dunia berdepan kebimbangan dengan ancaman yang tidak kelihatan di mata kasar, setiap negara juga menempuh pelbagai ketidaktentuan lain terutama apabila sempadan terpaksa ditutup manakala semua aktiviti termasuk ekonomi terjejas dengan keputusan yang diambil kerajaan untuk menghalang penularan wabak.

Seperti negara lain, Malaysia juga tidak terkecuali daripada berdepan dengan kesan ekoran penutupan sempadan dan keputusan kerajaan mengarahkan sebahagian besar kegiatan ekonomi tidak beroperasi.

Penemuan vaksin untuk melawan COVID-19 pada akhir 2020 walaupun memberi sedikit harapan ke arah pemulihan kehidupan dan ekonomi, ternyata masih belum cukup untuk membawa kebanyakan negara keluar daripada kemelut berkenaan.

Selain pandemik, ekonomi negara turut terjejas dengan faktor lain termasuk ekonomi dunia, itu membabitkan pentadbiran serta perlakuan di negara lain yang turut membawa rantaian kesan kepada perdagangan dan nilai mata wang.

Berdasarkan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada Oktober 2021, sektor pembuatan adalah segmen yang paling teruk terkesan akibat COVID-19 susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan dalam menghentikan penularan wabak berkenaan.

Statistik Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) pada Jun 2023 oleh Jabatan Perangkaan pula menunjukkan penyusutan sebanyak 2.2 peratus tahun ke tahun berbanding pertumbuhan positif 4.8 peratus pada Mei 2023, disebabkan kemerosotan dalam sektor pembuatan dan perlombongan.

Sektor pembuatan merekodkan angka -1.6 peratus berbanding 5.1 peratus pada Mei 2023 manakala perlombongan mencatatkan -6.4 peratus (Mei 2023 : 2.9 peratus).

Laporan The Sustainable Development Goals Report 2023: Special Edition oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pula menekankan pemulihan industri pembuatan daripada kesan pandemik masih lagi belum sempurna dan tidak seimbang.

Malah, laporan itu menyatakan pertumbuhan pembuatan global memperlamban ke 3.3 peratus pada 2022, berbanding 7.4 peratus pada 2021 dengan progres di negara kurang membangun masih jauh untuk mencapai sasaran menggandakan sumbangan sektor pembuatan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2030.



KERANGKA Ekonomi MADANI angkat darjat dan martabat negara. - Gambar hiasan

Menyedari keperluan untuk menangani situasi ekonomi negara ketika, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini memperkenalkan satu kerangka ekonomi yang baharu dinamakan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat.

Kerangka yang meletakkan tujuh tanda aras yang perlu dicapai dalam tempoh 10 tahun bertujuan meletakkan wadah mengangkat semula darjat dan martabat negara ini dengan menstruktur semula ekonomi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi di rantau Asia Tenggara.

Tujuh tanda aras berkenaan adalah untuk meletakkan Malaysia di kedudukan antara 30 ekonomi terbesar dunia; Indeks Daya Saing Global di tangga ke-12 teratas dunia; peratusan pendapatan buruh mencapai 45 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan; kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh mencapai 60 peratus; Indeks Pembangunan Manusia di tangga 25 teratas dunia dan kemampunan fiskal dengan defisit fiskal mencapai tiga peratus atau lebih rendah.

Persoalannya, bagaimana semua tanda aras ini dapat dicapai? Jelas perlu ada perubahan dalam usaha untuk Malaysia bangkit menjadi kuasa ekonomi terkemuka dan jaguh di rantau ini.

Ia termasuk memperkenal dan menerajui industri dan perniagaan yang lebih ampuh dan mampu bangkit semula dengan tangkas atau seperti kata Perdana Menteri, "menumpukan kepada aktiviti dengan nilai tambah tinggi atau kecanggihan ekonomi".

Antara yang dicadangkan adalah usaha untuk mengantabangsaan syarikat pemula dan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) tempatan. Justeru tanggungjawab berkenaan dipikul oleh Kementerian Sains, Teknologi

dan Inovasi (MOSTI) yang diterajui saya.

Pada Pelancaran Sidang Kemuncak Tahun Pengkomersialan Malaysia 2023 baru-baru ini, saya ada menyatakan MOSTI menumpukan usaha mengarus-perdanakan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) sebagai pemasu pertumbuhan ekonomi negara agar kekal berdaya saing di peringkat global melalui Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030.

Saya juga memaklumkan, matlamat utama DSTIN adalah menjadikan Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi menjelang 2030, mengambil kira dasar yang berdaya tahan dan dapat beradaptasi dengan perubahan mengejut seperti pandemik dan ketegangan geopolitik selain faktor penyumbang kesan perubahan iklim dan transformasi digital.

STI menjadi keutamaan dalam melonjakkan pertumbuhan ekonomi sesuatu negara, khususnya dalam kalangan negara-negara berpendapatan tinggi berikutan kemampuannya impak berganda dalam menjadikan sesebuah negara kekal kompetitif dan berdaya saing.

Pada masa sama, Malaysia tidak boleh lagi menjadi sekadar pengguna kepada teknologi yang dibangunkan oleh negara maju. Sebaliknya, masanya sudah tiba untuk rakyat membangunkan keupayaan dan produk serta sistem sendiri untuk kekal berdaya saing dalam kepesatan perubahan semasa.

Ketika ini, kerajaan sudah membangunkan serta memperkenalkan beberapa dasar dan pelan hala tuju teknologi iaitu Dasar Bioteknologi Negara 2.0 (DBN 2.0) 2022-2030, Dasar Angkasa Negara 2030 (DAN2030), Dasar dan Strategi Nanoteknologi Negara (DSNN) 2021-2030 dan pelan hala tuju pembangunan teknologi seperti

bahan termaju, *blockchain*, elektrik dan elektronik, kecerdasan buatan, robotik dan vaksin.

Dalam membangunkan syarikat pemula tempatan dan usahawan teknologi atau *technopreneur*, kerajaan akan bekerjasama dengan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) akan melabur RM1 bilion dan tambahan secara padanan dengan dana swasta.

Kerajaan juga akan memastikan penyediaan dana bagi setiap fasa syarikat berpertumbuhan tinggi. Ia selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan lebih banyak syarikat berjaya seperti Aerodyne dan Les Copaque yang sudah sememangnya terkenal dalam industri masing-masing.

Pada masa sama, MOSTI juga melihat usaha untuk memperluaskan inisiatif MyHackathon dan Corporate Hackathon bawah Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia atau dikenali sebagai SUPER 2021-2030.

Ia bertujuan mendekatkan rakyat dan syarikat pemula dalam mencari penyelesaian kepada masalah yang dihadapi.

Inisiatif MyHackathon yang dimulakan pada 2020, misalnya menawarkan hadiah termasuk geran bersyarat berjumlah RM250,000 dan antara yang pemenang termasuk NEUON AI yang membawa reka cipta dinamakan RoadPlus iaitu suatu platform membantu mengesan dan membaiki jalan raya di kawasan pedalaman dalam tempoh 24 jam, sekali gus mengurangkan kerenah birokrasi dan cara kerja yang diamalkan selama ini.

Kerajaan juga memperuntukkan tambahan RM100 juta dalam usaha untuk mempergiatkan ekosistem pembangunan dan penyelidikan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I).

Ia memberi tumpuan kepada keperluan industri, tenaga boleh

“Kerangka yang meletakkan tujuh tanda aras yang perlu dicapai dalam tempoh 10 tahun, bertujuan meletakkan wadah mengangkat semula darjat dan martabat negara ini dengan menstruktur semula ekonomi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi di rantau Asia Tenggara.”

baru (*renewable energy*), keterjaminan makanan serta aktiviti pertumbuhan baru.

Tambahannya peruntukan itu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk mencapai Perbelanjaan Dalam Negara Kasar bagi R&D (GERD) sebanyak 3.5 peratus kepada KDNK menjelang 2030 dan meningkatkan kedudukan kepada 20 negara teratas dalam *Global Innovation Index* (GII) menjelang 2025.

Turut dilihat adalah inisiatif khusus untuk menggalakkan aktiviti pertumbuhan hijau baru selain mengetengahkan sumber tenaga baru atau alternatif seperti solar dan hidrogen.

Penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam bidang pertanian juga adalah antara aspek yang bakal diberikan penekanan selain pendekatan pertanian regeneratif dan tanaman berdaya tahan iklim.

Ia antara usaha yang akan diberikan tumpuan dalam menangani keterjaminan makanan supaya dapat meningkatkan daya tahan sektor agromakanan negara.

Kejayaan perlaksanaannya diharap dapat meningkatkan produktiviti yang boleh memberi manfaat kepada petani kecil.

Selain penggunaan teknologi dalam pertanian, kerajaan juga menyediakan peruntukan sejumlah RM200 juta bawah Agrobank untuk dimanfaatkan bagi membantu penyediaan kemudahan pembiayaan.

Ia sebagai antara usaha menyokong industri makanan tempatan, menjurus kepada peningkatan pengeluaran melalui penggunaan aplikasi teknologi moden dalam sektor pertanian.

Semua ini hanya boleh dicapai jika setiap daripada rakyat negara ini daripada pengguna sehingga kepada penggubal dasar serta pelaksana membuka minda dan menerima hakikat bahawa kita tidak boleh lagi sekadar menjadi pemerhati dan terus ketinggalan dalam kepesatan perubahan dunia.

PENULIS merupakan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.



KHAIRUL IDIN

SERAMAI 210 pelajar membabitkan sekolah rendah dan menengah di Labuan menerima kelengkapan persekolahan sumbangan Yayasan PETRONAS bersempena Program Back To School yang diadakan di sini, baru-baru ini.

Ketua PETRONAS Sabah dan Labuan, **Siti Ayu Abdul Wahab** berkata pihaknya sentiasa komited dalam memastikan pendidikan di negara ini dengan menghulurkan sumbangan kelengkapan persekolahan yang dilaksanakan sejak 10 tahun lalu di seluruh negara.

Katanya, inisiatif itu merupakan sebahagian daripada usaha pihak PETRONAS untuk membantu pelajar khususnya golongan keluarga berpendapatan rendah (B40).

"Memahami cabaran yang

210 pelajar di Labuan terima kelengkapan sekolah

dihadapi oleh ramai pelajar, Yayasan PETRONAS tampil menyediakan kelengkapan persekolahan bagi meringankan beban keluarga di samping membangkitkan minat untuk terus belajar sehingga ke menara gading," katanya ketika berucap pada Majlis Yayasan PETRONAS Program Back To School.

Majlis sumbangan tersebut disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan (JPNWP), Yusop Mohamad.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS Chemicals Methanol Sdn Bhd, Hifani Mohd

Jalil.

Melalui program ini, Siti berkata pelajar berkenaan akan menerima baucar untuk satu set pakaian seragam sekolah, sepasang kasut hitam, beg sekolah dan pakaian sukan.

Selain itu, penerima dalam kalangan pelajar sekolah rendah juga turut menerima beg sekolah, pensel warna dan set alat tulis manakala pelajar sekolah menengah pula menerima kalkulator saintifik.

Terdahulu, bagi tempoh tahun 2023, Yayasan PETRONAS telah menyumbangkan kelengkapan persekolahan kepada 21,000 pelajar di seluruh negara. WK



SITI (dua dari kanan) dan Yusop (kiri) bersama salah seorang pelajar yang menerima kelengkapan sekolah pada Program Back To School di Labuan baru-baru ini.

SKPS, Universiti Toyotomi jalin kerjasama antarabangsa koryukai

PROGRAM Jalinan Kerjasama Antarabangsa Koryukai antara pelajar Sekolah Kebangsaan Pekan Satu (SKPS) Labuan dan pelajar Universiti Toyotomi, Jepun dilihat mampu membuka minda dan peluang kepada warga sekolah untuk melihat dengan lebih jelas budaya yang diterapkan di sekolah luar negara.

Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Labuan, **Yahya Ahmad Puteh** berkata ia merupakan program pengukuhan konsep budaya antara warga pendidik dan murid-murid di pulau tersebut dengan warga Universiti Toyotomi, Jepun sempena lawatan rasmi mereka ke sekolah-sekolah di wilayah ini.

"Mereka (warga sekolah) akan dapat melihat dan mempelajari budaya sekolah di Jepun sepanjang rangka lawatan tersebut selain bertukar-tukar buah fikiran," ujar beliau ketika berucap meraikan delegasi pelajar Universiti Toyotomi.

Delegasi diketuai Profesor Jabatan Kesihatan dan Sains Sukan, Uchiyama Yuko bersama empat orang pelajar iaitu Takeda Mana, Hirayama Moeka, Koide Suzuho dan Machida Kisaki disambut Guru Besar SKPS,

Anita Shyamini Azman.

Turut serta pada program tersebut, Pegawai Pendidikan Labuan, Faridah Amit; Penolong Kanan Pentadbiran, Mohd Rais Basman; Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Normah Rahimi; Penolong Kanan Kokurikulum, Ibrahim Muhamad dan Penolong Kanan PPKI, Mohd Faisal Abd Moin.

Pelajar Universiti Toyotomi berpeluang berkongsi Pembelajaran dan Pemudahcara (PdPc) bagi subjek Pendidikan Kesihatan bertajuk Piramid Makanan dan Pendidikan Jasmani bertajuk Lompat Jauh yang dikendalikan Wan Muhammad Hazman Md Nasir dan Nurjuliza Jamil.

"Mereka begitu teruja mengikuti aktiviti-aktiviti yang melibatkan murid-murid dari kelas 4 Genius dan 3 Genius selain dibawa ke stor sukan untuk sesi pembentangan Amalan Terbaik yang bertajuk Penubuhan Skuad Junior Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) oleh guru PJK, Nur Anisah Majit," ujar beliau.

Di samping itu, delegasi juga diberi peluang untuk melawat Bilik Kesihatan dan Pusat Sumber Sekolah (PSS). WK



HIRAMAYA (empat dari kiri) bersama Anita Syamini (tengah) dan Yahya (tiga dari kanan).



LEE KA TUNG (dua dari kanan) dan Nabila (dua dari kiri) menerima piala juara Kejohanan Terbuka Amatur Golf Labuan 2023.

Lee Ka Tung, Nabila juara Kejohanan Terbuka Amatur Golf Labuan 2023

PEMAIN golf veteran Lee Ka Tung dari Sarawak Golf Club (SGC) dan Nabila Alifuddin dari Keningau Golf Club (KGC) berjaya merangkul gelaran juara bagi kategori Gross Kejohanan Golf Terbuka Amatur Labuan 2023 yang diadakan di Kelab Golf Labuan (LGC), baru-baru ini.

Kejohanan selama tiga hari itu menyaksikan Lee Ka Tung mencatatkan pukulan keseluruhan 222 sekali gus berjaya membawa pulang piala iringan, piala rebutan dan wang tunai.

Manakala Nabila Alifuddin yang mencatatkan pukulan 233 dinobatkan juara selepas menewaskan Nurul Shahirah Afiqah dari Sandakan Golf Country Club (SDGCC) dengan kelebihan satu pukulan (234 pukulan).

Naib juara bagi kategori Gross lelaki dimenangi oleh Mohd Zariq Encho dari Labuan Golf Club (LGC) dengan mencatatkan 223 pukulan.

Sementara itu juara bertahan, Brandon Lai dari Shan-Shui Country Club Tawau gagal mengulang pencapaiannya tahun lalu apabila sekadar menduduki tangga ketiga selepas mencatatkan 224 pukulan.

Tempat ketiga kategori Gross Wanita dimenangi Chew I Youn dari Persatuan Golf Sabah (SGA) selepas mencatatkan 234 pukulan.

Bagi kategori Nett Lelaki, johan dimenangi oleh Adlin Mikahil Mohd Sofian dari Kelab Golf Keningau (KGC) yang mencatatkan 136 pukulan.

Naib johan disandang oleh Hamiri Sani dari Keningau Golf & Country Club (KUGCC) dan tempat ketiga Ahmad Izz Amin dari Labuan International Golf Club (LIGC).

Bagi kategori Nett Wanita, pemain dari KUGCC Doingsia Petrus menjadi johan dan tempat kedua dimenangi oleh Alice Liew (LGC).

Majlis penyampaian hadiah disampaikan oleh Presiden Labuan Golf Club (LGC), Peter Pikul dan Golf Kepten, Bonis Sumid.

Terdahulu, kejohanan Golf Terbuka Amatur Labuan Edisi 30 Lelaki dan Edisi 23 Wanita dianjurkan oleh Kelab Golf Labuan (LGC) dengan kerjasama Persatuan Golf Malaysia (MGA) dan Persatuan Golf Sabah (SGA) disertai 116 peserta termasuk 16 peserta wanita. WK

PERADUAN MEWARNA PM224



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM224".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **26 OGOS 2023**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akbar Wilayahku Bilangan 226.

3 PENYERTAAN TERBAIK PADA
SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA
CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA
YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 222

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM222:


NUR SYAZHARIFAH BINTI MOHD SHAFIE
(9 tahun)
Kuala Lumpur

SYAKILA BINTI HUSIN
(9 tahun)
Sg. Buloh, Selangor

MUHAMMAD TARMIZI KARIM
(7 tahun)
Sri Rampai, Kuala Lumpur



TEKA SILANG KATA SK224

**KE BAWAH**

1. Ikan
2. Belalang
3. Arnab
4. Ular
5. Semut
6. Katak
7. Ular

MELINTANG

7. Kucing
8. Lembu
9. Kura-kura
11. Ayam
12. Burung
13. Siput Babi
14. Lalat

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK224".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **26 OGOS 2023**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akbar Wilayahku Bilangan 226.

3 PENYERTAAN TEPAT & TERAWAL
SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA
CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA
YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



BaKaT CiLiK



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada:
wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.



Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK222:

FARAH BINTI RAZALI
(44 tahun)
Setapak, Kuala Lumpur

MOHD ALI BIN SOBRI
(34 tahun)
Semenyih, Selangor

NORAKMA BINTI FAUZI
(26 tahun)
Temerloh, Pahang

Dari hobi ke bisnes krusye



DIANA AMIR

BERBEKALKAN minat yang mendalam terhadap hasil kraf tangan membuatkan Nik Zakiah Nik Ahmed Faried, 44, mula menyelami dunia pembuatan krusye seterusnya membantu dirinya untuk menjana pendapatan sampingan.

Beliau yang juga merupakan Pengusaha Nik Faried Daughter Enterprise berkata ilmu mengait ini diperoleh daripada arwah ibunya.

"Saya mula mengait seawal usia 11 tahun di mana ketika itu saya melihat hasil tangan arwah ibu, terus membuatkan saya tertarik untuk menyelami dunia pembuatan krusye ini."

"Sejujurnya ia hanya sekadar hobi tetapi saya mula serius dalam perniagaan krusye ini pada tahun 2019 apabila menyertai Program Pemotorian Usahawan Wilayah Persekutuan Tahun 2019 anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan sokongan Jabatan Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Kemudian saya dilantik sebagai Ahli Jawantankuasa Kelab Usahawan Putrajaya yang mana kelab ini banyak membantu dan menyokong penglibatan saya dalam perniagaan ini," katanya kepada *Wilayahku*.

Ceritanya lagi, sebelum ini dia pernah mencuba beberapa jenis perniagaan lain namun kurang mendapat sambutan dan pada akhirnya 'jatuh cinta' dengan seni krusye.

"Lebih kurang sebulan saya belajar krusye dan mengambil masa yang lama juga untuk mahir memandangkan ia memerlukan latihan yang kerap" ujarnya antara produk dihasilkan adalah bunga, kardigan, sarung botol, alas meja, amigurumi dan banyak lagi.

Nik Zakiah berkata antara kelebihan produknya adalah lebih tertumpu kepada penghasilan beg yang dianggap leceh dan sukar oleh pengait (*crocheter*) yang lain.

"Bagi sesetengah *crocheter* penghasilan beg agak sukar dan mencabar kerana prosesnya yang renyah, perlu siapkan *lining*, tali beg, jahit zip, pasang butang dan lain-lain bergantung pada *pattern* beg. Di samping ia juga memerlukan kos untuk membeli aksesori-aksesori tersebut. Namun saya lebih memilih penghasilan beg kerana beg krusye mempunyai pelbagai *pattern* dan unik, tambahan pula ia mendapat permintaan yang tinggi."

"Walau bagaimanapun saya juga turut menerima tempahan lain seperti cadar, selimut dan banyak lagi di mana pelanggan akan menghantar



NIK ZAKIAH



NIK ZAKIAH turut mengadakan kelas buat mereka yang berminat dalam seni krusye khususnya warga Putrajaya.

contoh gambar untuk *design* yang mereka mahu.

"Alhamdulillah, setakat ini pembeli berpuas hati dengan hasil tangan saya kerana hasil yang *up to date* bersesuaian dengan pelbagai peringkat umur," jelasnya harga yang ditawarkan bermula RM25 sehingga RM450 bergantung kepada jenis produk dan material yang digunakan.

Seperti perniagaan lain, Nik Zakiah yang menjalankan perniagaan krusye secara sampingan tidak terlepas mengharungi cabaran dalam usaha untuk memperluaskan perniagaannya.

"Saya bekerja sebagai penjawat awam dan krusye ini hanya dibuat pada hujung minggu sahaja jadi saya berdepan kekangan masa dalam menyiapkan tempahan pelanggan."

"Sukar untuk tentukan jumlah tempahan dalam sebulan kerana kalau pelanggan tempah projek yang susah, saya akan ambil satu tempahan sahaja dalam sebulan," jelasnya kini

tumpuan lebih diberikan kepada kelas krusye yang diadakan dua kali sebulan.

KONGSI ILMU MENGAIT

SELAIN menerima tempahan, Nik Zakiah turut mengadakan kelas krusye untuk berkongsi ilmu mengait bersama penduduk setempat yang berminat dengan seni tersebut.

"Setakat ini kelas saya lebih fokus kepada mengajar ilmu asas krusye dan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar bagaimana hendak memulakan hobi mengait."

"Sebenarnya saya bermula mengajar mengait secara dalam talian di Facebook pada tahun 2019 namun mula serius dengan kelas krusye apabila dijemput oleh pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk menyertai Program LambaianXTailor yang dianjurkan oleh Kelab Lambaian Masyarakat UTM.

"Masa itu saya perlu mengajar dan berkongsi cara membuat 'Crochet Mask Extender' secara dalam talian memandangkan ketika itu kita dalam

tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Namun pada tahun 2022 sehingga kini kelas diadakan secara fizikal apabila saya dijemput oleh Pusat Pembelajaran Kejiran (Perpustakaan) Presint 16, PPj untuk mengajar asas mengait kepada ahli kelab tersebut," jelasnya dia kini mempunyai lebih daripada 100 orang pelajar.

Katanya, kelas tersebut diadakan dua kali sebulan pada hari Sabtu atau Ahad bertempat di Putra Point, Kompleks Kejiran Presint 16, Putrajaya.

"Untuk menyertai kelas kait asas bayaran sebanyak RM40 dikenakan, pembelajaran dalam talian bermula RM15 hingga RM20 (bergantung kepada projek kait) manakala untuk kelas kait projek yuran sebanyak RM80 dan ke atas (bergantung kepada projek).

"Diharapkan seni krusye ini terus diminati dan dipelajari terutama oleh golongan muda kerana ia bukan sekadar hobi namun mempunyai pelbagai kelebihan lain antaranya boleh dijadikan sumber pendapatan," katanya. WK



Program Familiarization Trip promosi destinasi tarikan di Putrajaya



SABRINA SABRE

BAGI merancakkan sektor pelancongan di Putrajaya, pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) mengambil pendekatan dengan mempromosikan pusat pentadbiran kerajaan Malaysia itu sebagai Destinasi Mesti Lawat.

Menurut Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat PPj, **TPr Norzita Abdul Razak**, usaha pihaknya bagi mempromosikan Putrajaya sebagai Destinasi Mesti Lawat disambut baik oleh rakan media melalui penganjuran Program Familiarization Trip Indahnya Putrajaya bersama Gaya Travel, Akses Malaysia, media dan barisan pempengaruh.

"Program yang berlangsung pada 8 hingga 10 Ogos lalu itu melibatkan seramai 21 orang peserta yang terdiri daripada rakan-rakan media, penulis blog dan juga pempengaruh media sosial," katanya menerusi satu kenyataan media.

Norzita berkata program yang diadakan selama tiga hari dua malam tersebut turut merangkumi sesi lawatan ke pelbagai destinasi tarikan pelancongan di sekitar Putrajaya.

"Antara yang menarik, peserta telah dibawa ke Wetland Studios Putrajaya, Taman Ekuestrian Putrajaya, Astaka Morocco,



PESERTA turut dibawa ke Taman Ekuestrian Putrajaya yang merupakan salah satu produk pelancongan.

Kompleks Nasyrul Quran dan pelbagai lagi.

"Sepanjang program tersebut, peserta dilihat teruja serta giat melakukan aktiviti yang disediakan di setiap tarikan yang dilawati," tambah beliau.

Dalam masa sama, Norzita

berkata para peserta juga turut membuat hantaran dan penulisan di medium masing-masing di mana usaha tersebut bakal melonjakkan promosi sektor pelancongan bagi tarikan-tarikan di Putrajaya kepada masyarakat umum.

"Kami amat menghargai

usaha yang dijalankan oleh pihak media bagi mempromosi Putrajaya sebagai salah satu tarikan pelancongan utama di Malaysia.

"Usaha ini diharapkan dapat menarik lebih ramai pelancong untuk melawat dan mencuba kesemua aktiviti menarik yang ada

di Putrajaya," ujar beliau.

Terdahulu, beliau turut menyampaikan maklumat-maklumat produk pelancongan Putrajaya dan perancangan pelancongan pada masa akan datang dalam majlis perasmian program. **WK**

Young Ecologist didik generasi muda peka terhadap alam sekitar

PROGRAM Young Ecologist di bawah Program Local Agenda 21 (LA21) Putrajaya akan diadakan pada 2 September 2023 bertempat di Wetland Upper Bisa (Alamanda Steps), Presint 1.

Bahagian Alam Sekitar, Tasik & Wetland, Jabatan Perancangan Bandar, Perbadanan Putrajaya (PPj) memaklumkan program tersebut diadakan bertujuan untuk menyampaikan informasi tentang Tasik dan Wetland Putrajaya yang merupakan tasik buatan direka bentuk dan diuruskan dengan mengambil kira keperluan mencapai kualiti air terbaik dan juga pengurusan perkhidmatan ekologi (*ecological services*) kehidupan akuatik terbaik yang boleh dicapai oleh sebuah badan air di dalam pembangunan perbandaran (*urban development*).

"Di samping itu, ia adalah untuk menarik minat para pelajar dan menyediakan ruang serta peluang untuk bersama-sama pihak PPj dalam menguruskan air dan ekosistem seperti dalam modul pemantauan kualiti air dan serangga," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Dalam masa sama, beliau memaklumkan pihaknya mensasarkan penyertaan seramai 100 orang pelajar sekolah berumur antara 13 hingga 17 tahun dengan pelaksanaan

modul dan pembelajaran yang terbahagi kepada dua iaitu kepelbagaian serangga dan pemantauan kualiti air.

"Untuk modul kepelbagaian serangga, peserta akan dibekalkan dengan jaring, penyeprit dan bekas dengan diberi masa selama 20 minit untuk mengumpulkan serangga daripada tanah, pokok dan tumbuhan renik yang berdekatan.

"Serangga tersebut seterusnya akan diasingkan dan dikenal pasti spesiesnya. Pelajar akan melukis, melabel dan menulis nama serangga yang dikumpulkan di dalam modul serangga dibekalkan," ujarnya.

Tambahnya, untuk modul pemantauan kualiti air pula, pelajar akan diberikan kit pemantauan kualiti air bagi tujuan menguji keasidan atau kealkalian air, nilai oksigen terlarut dan kandungan pepejal terampai yang diambil dari kawasan Wetland.

"Pelajar juga berpeluang menggunakan alat pencerapan kualiti air secara in-situ di tapak (YSI Sonde Multiparameter)," jelasnya keputusan yang diperolehi akan direkodkan dalam modul kualiti air.

Penganjuran program ini adalah selaras dengan hasrat pihak PPj untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman yang jelas dalam kalangan

komuniti muda Putrajaya tentang peranan dan tanggungjawab bersama agar kesejahteraan alam sekitar serta keindahan Tasik dan Wetland Putrajaya dapat terus dikenalkan.

Dalam masa sama, pihaknya berharap program tersebut dapat mewujudkan rasa sayang ataupun *sense of belonging* untuk bersama-sama menjaga kebersihan alam sekitar, Tasik dan Wetland supaya manfaat yang ada akan terus dapat dinikmati bersama.

"Diharap program ini dapat memperkasakan Tasik dan Wetland sebagai tapak dan sumber rujukan pengurusan yang sistematis melalui perkongsian saintifik dan teknikal," ujarnya dengan pengiktirafan yang telah diterima di peringkat antarabangsa, pengurusan Tasik dan Wetland Putrajaya telah menjadi model pengurusan bersepudu khususnya bagi badan air serta tanah bencah rantau tropika.

Penganjuran Program Young Ecologist juga selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) iaitu SDGs 11 – Sustainable Cities & Communities, SDGs 14 – Life Below Water dan SDGs 15 – Life on Land. **WK**



MSWP bakal bangun kompleks sukan berpusat di Putrajaya

DIANA AMIR

PELBAGAI program serta latihan intensif dijalankan oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) bagi memantapkan pembangunan sukan selain persiapan awal kontinen Wilayah Persekutuan (WiPers) menghadapi temasya Sukan Malaysia (SUKMA) ke-21 yang bakal diadakan bertempat di Sarawak pada tahun 2024.

Komitid terhadap perkara tersebut, Pengarahnya, **Nik Ahmad Zahiruddin Nik Saleh** giat merangka strategi dalam memastikan atlet Wilayah Persekutuan di tahap cemerlang.

Bagi mengetahui lebih lanjut tentang visi dan misi MSWP, ikuti temu bual pihak **Wilayahku** bersama Nik Ahmad Zahiruddin Nik Saleh yang diadakan di gimnasium, Menara Seri Wilayah, Putrajaya baru-baru ini.

WILAYAHKU: Boleh kongsikan perasaan dilantik sebagai Pengarah MSWP yang baru?

NIK AHMAD ZAHIRUDDIN: Saya teruja namun sedikit gusar kerana sedar bahawa ia merupakan satu tanggungjawab besar yang perlu dipikul dan kemungkinan banyak kerja sudah tertangguh lama kerana jawatan ini kosong selama enam bulan.

Saya anggap ia sebagai satu cabaran untuk meneroka bidang baharu, dalam masa yang sama, saya juga meminati sukan dan membuatkan lebih bersedia sekurang-kurangnya dapat menyumbang sesuatu dalam pembangunan sukan Wilayah Persekutuan.

Lebih satu bulan berada di sini, apa pandangan yang boleh dikongsi tentang program sedia ada dan hala tuju MSWP?



KONTINJEN WiPers berada di kedudukan tempat ketiga pada SUKMA XX yang diadakan pada September 2022.

Bagi saya program sedia ada sudah bagus dan untuk melakukan sebarang perubahan saya perlu mendalamai dan memahami jalan kerja di MSWP terlebih dahulu di mana pembaharuan akan dilakukan mengikut kesesuaian.

Alhamdulillah, kesemua pegawai yang berada di MSWP berdedikasi, memberi komitmen penuh dalam setiap acara sukan terutamanya di bawah penyelaras masing-masing dan ia juga ditunjukkan menerusi Program Bantuan MADANI kepada persatuan sukan di Kuala Lumpur dan Putrajaya yang telah diadakan baru-baru ini.

Saya juga memegang kata-kata bekas ketua saya ketika berada di Kementerian Pembangunan Luar Bandar di mana sebagai orang baru, saya perlu memahami seluruh jalan kerja terlebih dahulu. Namun saya percaya, kelebihan berlatarbelakangkan sukan akan membantu saya untuk lebih memahami jalan kerja di MSWP selain melayani kehendak atau tuntutan daripada persatuan-persatuan sukan.

Kayu pengukur utama MSWP sering dilihat menerusi pencapaian di SUKMA. Bagaimanakah persiapan MSWP menjelang SUKMA 2024?

Apa yang saya boleh katakan ketika ini MSWP agak ketinggalan daripada segi persiapan memandangkan kita mempunyai beberapa perkara tertungggak disebabkan kekosongan jawatan selama enam bulan lepas dan ia merupakan satu tanggungjawab besar buat saya untuk menyelesaiannya.

Namun, setakat ini banyak masalah yang telah diselesaikan dan pelantikan jurulatih juga kami telah lakukan pada minggu lalu. Meskipun agak ketinggalan daripada segi jadual tetapi *insya-Allah* kami akan cuba untuk *catch up* semula dan bersiap sepenuhnya bagi menghadapi SUKMA 2024.

Bagaimana sambutan daripada pihak persatuan sukan setakat ini? Mungkin ada permasalahan yang sering dikemukakan dalam pertemuan sebelum ini?

Selaras pelantikan, saya telah menerima kunjungan daripada beberapa persatuan sukan di mana antara isu yang dibangkitkan adalah berkenaan kewangan. Bagi saya MSWP berlainan dengan majlis sukan yang lain kerana kami mempunyai tiga wilayah bermaksud tiga persatuan sukan di mana ia memerlukan peruntukan kewangan dibahagi kepada tiga. Oleh itu, saya sudah berpesan kepada persatuan sukan di Wilayah Persekutuan untuk tidak hanya mengharapkan bantuan daripada

pihak MSWP semata-mata, mereka juga perlu untuk mencari dana atau tajaan sendiri dan daripada pihak kami sendiri, bantuan akan diberikan mengikut situasi kewangan semasa.

Apakah antara cabaran yang mungkin dihadapi kontinen Wilayah Persekutuan menjelang temasya SUKMA ke-21 di Sarawak?

Cabaran terbesarnya adalah dari segi kewangan dan logistik memandangkan di Sarawak ia akan diadakan di lapan daerah berbeza dan saya rasa kontinen negeri lain juga menghadapi masalah yang sama di mana secara tidak langsung ia memberi kelebihan buat tuan rumah yang mungkin tidak terlalu terbeban dengan isu-isu tersebut.

Mungkin di peringkat MSWP sendiri, kami akan tempatkan pegawai mengikut sukan di lokasi berbeza dan dalam masa terdekat juga kita akan mengadakan perbincangan mengenai jumlah acara yang akan disertai di mana sukan yang berpotensi untuk menyumbangkan pingat buat kontinen WiPers akan diutamakan.

Dalam ucapan Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan semasa Bantuan MADANI tempoh hari, beliau ada menyebut mengenai sasaran untuk memperbaiki keputusan pada SUKMA 2024.

Sewaktu saya melaporkan diri pada 5 Julai tempoh hari, pengarah ada menyatakan bahawa dia nak kita jadi *champion* tapi apabila dilaksanakan di Sarawak bagi saya kelebihan lebih kepada tuan rumah. Walau bagaimanapun, saya berfikiran positif dengan menyatakan bahawa sekiranya tak boleh bergelar juara, kita perlu sekurang-kurangnya menyamai pencapaian pada SUKMA 2022 di mana mungkin masalah logistik dan

kewangan yang dialami oleh majlis sukan lain boleh dijadikan sebagai satu kelebihan kepada MSWP.

Apakah program besar yang bakal dianjurkan MSWP pada tahun ini?

Antaranya adalah *team building* dan juga latihan intensif di mana kalau dulu ia diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tapi mungkin pada kali ini akan diadakan di satu tempat yang mempunyai fasiliti lengkap buat semua sukan yang membolehkan atlet kita berlatih dalam masa sama.

Selain itu, kita juga bakal mengadakan Anugerah Sukan di mana semua persatuan sukan akan disemarak daripada segi tadbir urus, pencapaian dan lain-lain sebelum dikategorikan mengikut bintang yang juga mempengaruhi peruntukan bagi sebuah persatuan sukan tersebut. Bantuan akan tetap diberikan manakala anugerah ini pula khusus untuk persatuan yang aktif dan mempunyai pencapaian cemerlang.

Apakah matlamat ataupun visi dan misi sebagai Pengarah MSWP untuk tempoh lima ke 10 tahun akan datang?

Untuk jangka panjang kami baru dapat kelulusan daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) untuk perolehan tanah seluas 12.5 ekar di Presint 13, Putrajaya di mana kita akan bangunkan Kompleks Sukan MSWP dan dijangka siap pada tahun 2027 yang terdiri daripada mini stadium, *indoor*, gelanggang, asrama, pejabat dan kafe.

Untuk makluman, kita satu-satunya majlis sukan yang tidak mempunyai kompleks sukan sendiri meskipun mempunyai kelebihan berhampiran dengan kompleks sukan lain di Lembah Klang namun bagi saya lebih mudah sekiranya kita mempunyai kompleks sukan sendiri kerana keutamaan semestinya akan diberikan kepada atlet selain perancangan serta persiapan rapi juga dapat dilaksanakan.

Apakah harapan dalam mengemudi MSWP?

SUKMA 2024 merupakan program besar yang pertama di bawah saya di mana semestinya mengharapkan keputusan positif namun tidak meletakkan sasaran bergelar juara sebab kelebihan adalah kepada tuan rumah. Saya mengharapkan agar kita dapat mengekalkan kedudukan di tangga ketiga atau pencapaian pingat lebih baik daripada SUKMA terdahulu, itu juga merupakan satu kejayaan buat saya untuk tempoh singkat dilantik sebagai Pengarah.

Selain itu, saya benar-benar mengharapkan kerjasama daripada persatuan-persatuan sukan agar apabila bantuan sudah diberikan, jalankan tanggungjawab sebaiknya. Untuk turun dan pantau satu per satu agak mustahil kerana ada banyak persatuan termasuk di Labuan. Manakala dari segi kekuatan pegawai, kami dalam proses untuk pelantikan tiga orang lagi pegawai pelarasan sukan yang akan diselesaikan dalam tempoh terdekat. **WK**

Pameran Seiring Sejalan iktiraf industri kreatif kartun tempatan

HAZIRAH HALIM

BUAT julung kalinya, Pameran Kartun Seiring Sejalan diadakan sempena Sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2023 (HKHM) di Fahrenheit88 Mall, Bukit Bintang selama dua bulan bermula 11 Ogos sehingga 30 September.

Program tersebut bertemakan *We Are Greater Together* selaras dengan tema Sambutan HKHM 2023 iaitu Malaysia Madani: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan anjuran Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kolaborasi Arkib Negara Malaysia bersama Fahrenheit88 Mall, Rumah Kartun dan Komik Malaysia.

Menurut KPN, pameran tersebut diserikan dengan pelbagai aktiviti menarik seperti Flea Market, Sembang Santai dengan Kartunis Otai, Bengkel Melukis Kartun dan Komik dan sebagainya.

Terdapat juga himpunan koleksi karikatur berkaitan perpaduan masyarakat Malaysia, peristiwa kemerdekaan serta tokoh-tokoh Perdana Menteri Malaysia yang terdahulu bagi memberi peluang kepada para pengunjung untuk memahami sentimen dan pemikiran negara di saat sebelum dan selepas kemerdekaan.



ANTARA pameran lukisan kartun menarik yang diadakan di Bukit Bintang.

"Selain itu, pameran ini turut mempamerkan lebih 60 karya berbentuk kartun, komik, karikatur dan animasi yang dihasilkan oleh 50 orang artis tempatan selain koleksi

kulit majalah kartun dan komik yang pernah mewarnai dunia majalah komik di Malaysia seperti Batu Api, Geli Hati, Buletin Lubuk, Politik Kedai Kopi dan banyak lagi," jelasnya.

Lebih menarik, pengunjung juga berpeluang melihat pameran sejarah perkembangan animasi tempatan dan bahan-bahan interaktif berkaitan animasi seperti Usop Sontorian, Anak-Anak Sidek, Kluang Man, Awang Kenit dan Robozeta termasuklah hasil karya kartunis tersohor, Datuk Mohammad Nor Khalid atau lebih dikenali sebagai Datuk Lat di ruangan pameran animasi tempatan.


Dalam pada itu, KPN berkata tujuan pelaksanaan program ini adalah untuk mengiktiraf industri kartun tempatan di mana para kartunis telah menterjemahkan warisan dan budaya negara secara kreatif serta unik selain menepati hasrat kerajaan dalam usaha memelihara warisan dan budaya sebagai wadah melestarikan perpaduan.

"Penganjuran program ini juga memperkasakan perpaduan masyarakat Malaysia sejarah dengan konsep Malaysia Madani melalui hebahan maklumat berkaitan mesej-mesej berkongseian kesekapatan sosial yang diterapkan dalam karya-karya yang dihasilkan oleh para kartunis Malaysia.

"Dalam masa yang sama, pameran kartun ini juga mampu memberi pendedahan kepada orang ramai terutamanya kepada generasi muda hari ini tentang potensi industri

kartun tempatan yang boleh diangkat hingga ke peringkat global sebagaimana karya Kampung Boy yang dihasilkan oleh Datuk Lat yang berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

"Selain itu, para pengunjung bukan sahaja dapat menambah pengetahuan mengenai sejarah kartun, komik dan animasi Malaysia malah dapat menenangkan ketegangan perasaan dan pemikiran daripada tekanan kerja sehari-hari," jelasnya. WK



Faizal, Ezra semarak jiwa pendekar berdisiplin

DEEL ANJER

FAIZAL TAHIR merupakan antara penyanyi yang terus mengelarkan rekod cemerlang dalam industri muzik tanah air. Tidak hanya sebagai penyanyi semata-mata, tapi juga seorang pencipta lagu dan penerbit muzik yang cukup disegani.

M a l a h ,
s e l e p a s
beberapa
k a r y a
h a s i l

ciptaannya diangkat sebagai yang terbaik, Faizal atau nama sebenarnya Ahmad Faizal Muhammad Tahir, 45, terus menjadi idola bagi generasi baharu sama ada menerusi bidang nyanyian maupun dunia penciptaan lagu sejak berkecimpung dalam arena muzik.

Satu kelebihan apabila setiap karya dihasilkan sarat dengan mesej berguna bukan sahaja untuk diri sendiri, malah buat pendengar.

Tidak kira apapun genre lagu yang ditampilkan pada setiap karya, Faizal berjaya memikat hati pendengar, sekali gus mencipta fenomena tersendiri.

Terbaharu, Faizal yang popular menerusi lagu Santai muncul menerusi single OK keluaran Faithful Music.

Lagu hasil ciptaan sepenuhnya oleh Faizal dan **Ezra Kong** ini berniat memupuk semangat dan motivasi dalam jiwa pendengar sarat dengan nasihat agar jangan mudah putus asa dalam perjuangan hidup.

"Dunia ini penuh cabaran ditambah lagi ramai yang cuba menjatuhkan dan menyakiti kita menggunakan kata-kata. Namun tidak perlu kita terbawa emosi untuk membala. Boleh jawab *no comment* saja.

"Dalam masa sama, kekal tabah dan teruskan pencarian seperti seorang pendekar berdisiplin yang tak henti-henti memperbaiki dan memperkasakan dirinya," kata Ezra Kong.

Uniknya lagu OK ini apabila ia mengetengahkan elemen dikir barat di dalam rentak dan produksi moden sekali gus ia kedengaran jauh berbez�다 daripada kebanyakan karya Faizal sebelum ini.

"Dari awal pembabitan dalam bidang seni lagi saya sentiasa ingin mencuba benda baharu. Bagi saya, *versatility* itu penting. Dalam dunia seni, *versatility* membolehkan anda bereksperimentasi dengan pelbagai aspek kreativiti," katanya.

Menurut Faizal pula, sama seperti kebanyakan lagu sebelum ini antaranya Ragaman dan Santai, bait liriknya sarat dengan mesej berguna serta nasihat. Buktinya, penerimaan peminat terhadap karya sebegini sangat bagus.

"Alhamdulillah. Itulah tanggungjawab saya sebagai anak seni. Apa yang paling penting adalah peringatan kepada diri sendiri dahulu.

"Jadi, keunikkan *single* ini juga adalah mesej yang ingin disampaikan. Muzik tetap muzik, kita boleh berikan pelbagai jenis yang sedap didengar, tetapi apa yang penting, mesej yang ingin disampaikan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Faizal bakal menjayakan konsert solo pertamanya Aku Faizal Tahir Live In Kuala Lumpur yang dibawakan oleh Allianz Malaysia Berhad, pada 2 September ini di Dewan Merdeka, World Trade Centre, Kuala Lumpur. WK

